

"APABILA salah seorang manusia meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat baginya dan anak soleh yang selalu mendoakannya".
- Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah.

KEMERDEKAAN MESTI DIPERTAHANKAN

Oleh: Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Nikmat 40 tahun kemerdekaan yang kita sambut pada hari ini merupakan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala melalui usaha dan perjuangan generasi masa kini dan orang-orang sebelum kita.

Pengertian kemerdekaan merangkumi aspek-aspek kebebasan dan pencapaian hidup harmoni, inilah pengertian sejati kemerdekaan itu.

Kerana itu, kemerdekaan mesti dipelihara, ditanai dan dipertahankan demi kesucian agama dan kedaulatan bangsa, negara dan raja.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, di Istana Nurul Iman.



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama

PELITA Brunei hari ini menerbitkan Keluaran Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40

MAKAN Malam sempena Hari Kebangsaan, Pembebasan Kuwait

Muka 14

Berangkat ke Majlis Kesyukuran sempena HK NBD Ke-40



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 4)

BDCB lancar 3 produk duit syiling kenang-kenangan

Muka 17

Rukyah anak bulan Ramadan 1445, 10 Mac

Siaran Akhbar : Pejabat Mahkamah Rayuan Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan ini memaklumkan kepada orang

ramai terutama umat Islam di NBD bahawa Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan tarikh 1 Syaaban 1445 Hijrah adalah jatuh pada petang Sabtu malam Ahad, 10 Februari 2024 Masihi.

Maka dengan itu, Nisfu Syaaban bagi Tahun 1445 Hijrah adalah jatuh pada petang Sabtu malam Ahad, 24 Februari 2024.

Berikutan dengan itu juga, ketetapan bagi

merukyah anak bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah akan dilakukan pada petang Ahad, 29 Syaaban 1445 Hijrah bersamaan 10 Mac 2024 Masihi di tempat-tempat yang telah ditempatkan iaitu di Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara (DBM); Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara, DBM; Bukit Agok, Jerudong, DBM; Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut, Daerah Belait.

RENCANA

BERSATU Mencapai Cita Negara

Muka 29

Sektor Pengangkutan memudah cara pergerakan, dukung pelbagai aktiviti perekonomian

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin,
Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil
Anbiya-l-Wal Mursalin,
Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi
Wasahbihi Ajma'iin,
Assalaamu'alaikum Warahmatullaahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

TERLEBIH dahulu peramba / kaola / saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita semua diberi ruang dan peluang untuk sama-sama hadir di Sesi Perjumpaan Muhibah pada pagi ini.

Alhamdulillah, bagi mewakili seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), peramba / kaola / saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ke kementerian ini. Pada masa yang sama, izinkan peramba / kaola / saya untuk mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan kepada para hadirin berbangsa Cina dengan ucapan Selamat Tahun Baharu.

Peramba / kaola / saya seterusnya jua ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan di atas keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ke beberapa siri Lawatan Kerja yang diumumkan oleh Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam, Jabatan Pengangkutan Darat, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (ATI) dan juga Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) serta Cyber Security Brunei (CSB).

Peramba / kaola / saya berharap lawatan-lawatan tersebut telah membuahkan hasil bermakna, produktif dan meluangkan pencambahan idea-idea baharu selain memberi pendedahan mengenai peranan dan inisiatif-inisiatif jabatan dan pihak berkuasa yang telah dikunjungi.

Sebagai kesinambungan kepada siri lawatan kerja tersebut, Sesi Perjumpaan Muhibah hari ini juga akan membuka peluang yang berharga untuk sama-sama bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman bagi merancang langkah-langkah ke hadapan ke arah mencapai cita kemajuan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, peramba / kaola / saya optimistik bahawa dengan sinergi dan semangat kerjasama erat dan mesra di antara Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dan kementerian ini insyaaAllah kita akan dapat menduduki dan menghalusi setiap isu yang dibangkitkan dengan hasil yang mementingkan kebaikan bersama kerajaan, rakyat dan penduduk, serta kemajuan negara secara amnya.

Sebagai pembuka tirai kepada perbincangan yang lebih terperinci, pihak kementerian ini telah menyediakan bahan taklimat bagi mengongsikan status perkembangan mengenai pelaksanaan Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh dan juga *focus* utama bagi setiap jabatan dan pihak berkuasa serta perancangan dan hala tuju menjelang tahun 2025.

Peramba / kaola / saya berharap dengan adanya taklimat tersebut yang akan disampaikan selepas ini akan dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran dan meningkatkan kefahaman Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai

dengan matlamat strategik dan penekanan utama kementerian ini bagi tempoh selama dua tahun hadapan ini.

Pada saat ini, peramba / kaola / saya akan mengongsikan dengan secara ringkas mengenai status dan kemajuan di dalam pelaksanaan strategi dan perancangan kementerian yang berlandaskan Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh yang mana tumpuan asas MTIC adalah kekal ke arah :

- i) Menjamin keselamatan Sektor Pengangkutan dan juga alam siber;
- ii) Meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi; dan
- iii) Pemudah cara bagi mendukung pembangunan negara yang mampan.

Bermula dengan Wawasan Negara di mana kita hanya tinggal masa 11 tahun sahaja lagi untuk meniti pencapaiannya menjelang 2035. Bagi MTIC yang bertanggungjawab dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi, sudah pastinya berperanan penting dan langsung bagi mendukung Matlamat 2, iaitu 'Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'. Pihak di Kementerian ini telah menduduki sukat-sukat untuk digunakan di dalam menimbang pencapaian negara. KPI-KPI Kebangsaan yang dikemaskinikan insyaaAllah akan menjadi aras panduan MTIC untuk perancangan strategik yang akan datang, seperti berikut :

- i) Peratus peningkatan sumbangan dari Sektor Pengangkutan ke KDNK;
- ii) Peratus peningkatan sumbangan dari Sektor Infokomunikasi ke KDNK;
- iii) Peratus perbelanjaan KDNK ke arah R&D;
- iv) Peratus masyarakat yang celik



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa berucap pada Sesi Perjumpaan Muhibah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Khamis, 15 Februari 2024.

- digital;
- v) Peningkatan akses mobiliti dalam negeri;
- vi) Peningkatan jumlah penumpang dan kargo udara dan laut;

>> Muka 22

WAKTU SEMBAHYANG										
Februari MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	SABTU	14	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	AHAD	15	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
26	ISNIN	16	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	SELASA	17	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	RABU	18	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
29	KHAMIS	19	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 Mac	JUMAAT	20	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	32 26 °C ☁️🌧️	33 26 °C ☁️🌧️	33 26 °C ☀️
Pekan Bangar	32 25 °C ☁️🌧️	33 25 °C ☁️🌧️	33 25 °C ☁️🌧️
Pekan Tutong	32 26 °C ☁️🌧️	32 25 °C ☁️🌧️	32 26 °C ☁️🌧️
Kuala Belait	31 25 °C ☁️🌧️	31 25 °C ☁️🌧️	31 25 °C ☁️🌧️

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiucua Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 24 FEBRUARI 2024

Jiwei semangat patriotisme terhadap negara

PATRIOTISME ialah nilai yang perlu dihayati oleh setiap lapisan masyarakat, tidak kira peringkat umur. Tua dan muda, kita mesti sama-sama menerapkan dan menjiwei semangat patriotisme dan cintakan negara kerana ia menggalakkan semangat kekitaan dan mengukuhkan perpaduan sosial dan menggalakkan orang ramai untuk bekerjasama demi kebaikan bersama. Secara keseluruhannya, apabila patriotisme dijiwei ia akan berfungsi sebagai semangat yang menyatukan dan mengukuhkan masyarakat dan memberi inspirasi untuk menyumbang secara positif kepada kesejahteraan dan kejayaan negara. Dengan memupuk semangat patriotisme dalam diri kita, ini akan membantu mengekalkan identiti, budaya dan nilai unik negara kita, Negara Brunei Darussalam. Ia juga akan memperkukuhkan kepentingan tradisi, bahasa, sejarah dan warisan, yang menyumbang kepada keistimewaan negara kita.

Patriotisme menggalakkan rakyat mengambil bahagian secara aktif dalam tugas dan tanggungjawab sivik, sukarela dan berkhidmat kepada masyarakat. Semangat patriotisme yang kuat dapat memperkukuh keselamatan negara dengan menanamkan komitmen untuk mempertahankan negara daripada ancaman luar. Ia mendorong individu untuk menyokong penguatkuasaan undang-undang dan usaha-usaha kerajaan ke arah melindungi keamanan negara dan kesejahteraan rakyat. Patriotisme boleh menyumbang kepada kemakmuran ekonomi dengan memupuk persekitaran yang menyokong perniagaan, pelaburan dan inovasi. Ia menggalakkan keyakinan pengguna, kebanggaan negara terhadap produk domestik dan kesediaan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sebuah negara yang mempunyai rakyat patriotik adalah sebuah negara yang mempunyai daya tahan yang kuat kerana semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat. Semangat patriotisme yang tinggi akan menjadikan rakyat sesuatu negara itu sentiasa bersatu. Ia memberikan rasa tujuan dan keazaman yang tinggi untuk mengatasi apa-apa cabaran dan juga dalam menghadapi kesukaran bersama sebagai sebuah negara.

Seluruh rakyat pada masa ini dalam suasana merayakan Hari Kebangsaan Ke-40 negara kita Brunei Darussalam. Alhamdulillah kita bersyukur, Negara Brunei Darussalam atas limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dalam keadaan aman damai, harmoni dan sejahtera. Di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memerintah negara kita masih dapat menikmati suasana aman damai dan sejahtera. Sebagai umat Islam adalah menjadi tanggungjawab kita untuk taat dan setia kepada pemerintah kita. Ini juga boleh dilihat sebagai satu cara menjiwei nilai patriotisme dalam diri. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi Negara Brunei Darussalam dari sebarang bahaya dan bala bencana serta mengurniakan keamanan, rahmat dan kemakmuran yang berkekalan. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉️ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎️ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله فرینت قلس سنديرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Perutusan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Emperor Jepun



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-64 bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida.

Kemerdekaan mesti dipertahankan

■ Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

>> Muka 1

Demikian antara petikan Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, di Istana Nurul Iman, di sini.

Ini semua tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerlukan adanya perpaduan dan semangat patriotisme di kalangan rakyat jelata, selaku tunjang ketahanan dan keutuhan negara.

"Alhamdulillah, sejak empat dekad kemerdekaan, negara telah meraih pelbagai pencapaian bermakna, dalam banyak bidang. Ini terbukti, apabila negara beroleh kedudukan yang tinggi dalam laporan Human Development Index (HDI) pada tahun 2021, yang meletakkan Negara Brunei Darussalam (NBD) di tangga ke-51 daripada 191 buah negara," jelas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Jelas Kebawah DYMM lagi, dari petunjuk terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tersebut yang mengukur taraf kehidupan dan ekonomi, maka dapatlah kita menterjemahkannya sebagai keberhasilan usaha negara dalam meningkatkan jangka hayat penduduk, kemahiran dan pendidikan serta kualiti kehidupan, selaras dengan Sustainable Development Goals (SDG) dan matlamat-matlamat Wawasan

Brunei 2035.

Ia juga menurut baginda dikaitkan dengan keberkesanan inisiatif-inisiatif di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang telah banyak menyumbang kepada pencapaian-pencapaian penting.

"Sehubungan ini, kerajaan beta akan terus memberikan tumpuan kepada projek-projek strategik RKN, khususnya di bidang yang berkaitan dengan transformasi digital, yang mampu untuk memberikan impak positif dan signifikan kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk," titah Kebawah DYMM lagi.

Ini termasuklah, tegas baginda penekanan untuk meningkatkan kapasiti tenaga kerja, daya inovasi dan tahap produktiviti negara serta peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Terdahulu dalam titah,

Kebawah DYMM merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya jua, kita dapat meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 Tahun pada tahun ini yang bertemakan 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Di akhir titah, baginda sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan ahli-ahli jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 pada tahun ini.

"Tidak lupa juga ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan, para



sukarelawan dan belia serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala," titah baginda lagi.

TINGKATKAN RANGKAIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA, PENGLIBATAN PENGUSAHA BAHARU

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Menyentuh mengenai pembangunan ekonomi negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah menzahirkan rasa gembira dengan adanya kemajuan dalam bidang bukan minyak dan gas yang telah memberi akses kepada pasaran-pasaran baharu dengan meningkatkan *maritime connectivity* dengan negara-

negara luar.

"Alhamdulillah, usaha telah dilihat tercapai, apabila syarikat Muara Port Company Sdn. Bhd. telah berjaya merasmikan pelayaran pertama perkapalan kontena, langsung dari Pelabuhan Muara ke Pelabuhan Qinzhou, Republik Rakyat China pada tahun 2023.

"Pencapaian ini juga adalah seiring dengan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah hab terpenting dalam meningkatkan rangkaian perdagangan antarabangsa khasnya kawasan BIMP-EAGA,"

jelas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Titah Perutusan bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, di Istana Nurul Iman, di sini.

Dalam masa yang sama, menurut Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, usaha juga dilaratkan kepada peningkatan projek usaha sama dengan Pelaburan Langsung Asing antaranya dalam bidang berkaitan sekuriti makanan yang bertujuan untuk

mengurangkan kebergantungan import.

Kita juga tegas baginda, ingin terus melihat kemajuan pengusaha-pengusaha tempatan dalam bidang-bidang yang diutamakan oleh negara, dan meningkatkan penglibatan pengusaha-pengusaha baharu, khususnya di kalangan generasi muda.

"Keyakinan ini terbit dari sikap orang-orang Brunei yang cekal berusaha memajukan diri meskipun ada kalanya berhadapan dengan pelbagai cabaran," tegas Kebawah DYMM lagi.

Di arena antarabangsa pula, jelas baginda pada tahun ini adalah merupakan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan 37 buah negara luar, Ini termasuk keahlian negara di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, khasnya ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Komanwel, di mana dengan jalinan hubungan diplomatik itu telah mengharumkan nama serta sekali gus profil Negara Brunei Darussalam di mata dunia.

BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HK NBD KE-40



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda di Masjid Omar 'Ali Saifuddien bagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Bersempena dengan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Ke-40 ini, mohon supaya Tuhan

kami kekalkan negara kami, sepertimana yang dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

untuk selama-lamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Mohon Ya Allah supaya menjadikan kami dan seluruh rakyat negara ini bersatu padu

dan istiqamah dalam mendukung dan menyokong pemasyhuran baginda itu.

Mohon supaya diberkati kemerdekaan negara kami, dengan seluruh generasi sambung-bersambung mendukung, menandai dan mengisinya dengan bakti suci berupa khidmat membangun, memelihara dan mempertahankannya.

Demikian antara inti pati doa kesyukuran yang dipanjatkan seluruh umat Islam di negara ini bersempena dengan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara hari ini.

Berangkat menyertai para jemaah di sini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, jemaah yang hadir pada majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Sembahyang Fardu Maghrib diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat.

Setelah itu, Kebawah DYMM bersama jemaah juga membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai dan juga Doa Kesyukuran yang dikepalai oleh Yang Berhormat Pehin.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah yang hadir.

Kemuncak Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40, Tahun 2024 akan berlangsung pada Sabtu ini dengan tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' memberikan pandangan menyeluruh tentang semangat kebangsaan, kemerdekaan dan aspirasi pembangunan negara.

Tema berkenaan juga mengingatkan betapa pentingnya kerjasama dengan pendekatan seluruh negara (Whole of Nation Approach) untuk kemajuan negara dan keselamatan dunia dan akhirat.

>> Muka 4

Doa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar selanjutnya menyatakan mohon, supaya disatukan semangat dan hati-hati kami, diluruskan jalan menuju keselamatan dan kemakmuran, dihias dengan keberkatan rahmat yang dipanjangkan, yang dinikmati oleh negara, khasnya oleh raja kami yang kami kasihi dan rakyat serta penduduk sekalian.

"Bantulah kami dan generasi penerus kami supaya istiqamah menjadi umat yang beriman,

bertakwa dan kuat berpegang pada agama dalam membangun dan memajukan negara kami, semoga dengan keimanan dan ketakwaan itu negara kami berterusan mendapat rahmat dan berkat daripada-Mu dan menjadi sebuah negara yang aman sejahtera dan mendapat pengampunan tuhan.

"Lindungilah kami Ya Allah! raja kami, negara kami dan sekalian rakyat jelata serta penduduk, dari segala bala bencana, penyakit berjangkit dan pelbagai wabak.

"Sihatkan tubuh badan kami, kuatkan fizikal dan rohani kami untuk berkhidmat kepada agama, kepada raja dan negara.

"Jauhkan kami daripada segala anasir jahat yang boleh mengganggu-gugat keamanan negara kami," doa dipohonkan.

Terdahulu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan

Ulang Tahun HK Ke-40, Tahun 2024; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda semasa membaca Surah Yaa Siin (kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan menerima junjung ziarah.

JEMAAH yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan pada majlis tersebut (bawah kanan dan bawah kiri).



BERANGKAT HADIRI UPACARA PENGEBUMIAN NEGERI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kuching, Sarawak, Malaysia untuk menghadiri Upacara Penguburan Negeri bagi Allahyarham Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud, mantan Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menunaikan Solat Fardu Zuhur dan Solat Jenazah Berjemaah.

KUCHING SARAWAK, Khamis, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Kuching, Sarawak, Malaysia untuk menghadiri Upacara Penguburan Negeri bagi Allahyarham Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud, mantan Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pemandangan Bandar II dan Menteri Perdagangan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Antarabangsa, Industri dan Pelaburan, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan selaku Menteri Pengiring dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Di Masjid Demak, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Kebawah DYMM kemudian menunaikan Solat Fardu Zuhur dan Solat Jenazah Berjemaah bagi Allahyarham Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin

Mahmud. Jenazah Allahyarham kemudian disemadikan pada upacara penguburan di Tanah Perkuburan Demak Jaya.

Dilahirkan pada tanggal 21 Mei 1936 di Miri, Allahyarham Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud kembali ke rahmatullah pada awal pagi Rabu, 21 Februari 2024 di Cardiac Vascular Sentral Kuala Lumpur (CVSKL) pada usia 87 tahun.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada Allahyarham, antaranya Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) yang membawa gelaran Dato Laila Utama pada 14 Ogos 2014 dan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia (S.P.M.B.) Darjah Pertama yang membawa gelaran Dato Seri Paduka pada 3 September 1989.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan (atas dan bawah). Manakala gambar atas kanan, jenazah Allahyarham disemadikan pada upacara penguburan di Tanah Perkuburan Demak Jaya. Sementara gambar bawah kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah.





Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40

BANDAR SERI BEGAWAN, , Jumaat, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada Ketua-ketua Negara dan Kerajaan serta Orang Kenamaan Luar Negeri sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, iaitu di antaranya daripada :

Ketua-ketua Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Kerajaan Bahrain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Mohammed VI, King of Morocco.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodum Sihamoni, Raja Negara Kemboja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Carl XVI Gustaf, Raja Sweden.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V, King of Norway.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Willem-Alexander R., King of the Netherlands.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Philippe, King of Belgium.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Felipe VI, King of Spain.



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Joko Widodo.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr.




Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40



PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam.



PRESIDEN Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta.



PRESIDEN Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Joseph R. Biden Jr.



GABENOR-Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama General the Honourable David Hurley AC DSC (Retd).



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.



PRESIDEN Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin.



PRESIDEN Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Ranil Wickremesinghe.



PRESIDEN Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Suk Yeol.



PRESIDEN Republik Turkmenistan, Tuan Yang Terutama Serdar Berdimuhamedov.



PRESIDEN Republik Tajikistan, Tuan Yang Terutama Emomali Rahmon.



PRESIDEN Republik Uzbekistan, Tuan Yang Terutama Shavkat Mirziyoyev.



PRESIDEN Republik Kazakhstan, Tuan Yang Terutama Kassym-Jomart Tokayev.



PRESIDEN Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan.



PRESIDEN Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Seyyed Ebrahim Raisi.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Kim Jong Un.



PRESIDEN Republik Palau, Tuan Yang Terutama Surangel S. Whipps Jr.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Algeria, Tuan Yang Terutama Abdelmadjid Tebboune.



PRESIDEN Republik Islam Mauritania, Tuan Yang Terutama Ould Cheikh El Ghazouani.



PRESIDEN Republik Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Matamela Cyril Ramaphosa.



PRESIDEN Republik Malawi, Tuan Yang Terutama Dr. Lazarus McCarthy Chakwera.



PRESIDEN Republik Zambia, Tuan Yang Terutama Hakainde Hichilema.



PRESIDEN Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdoğan.



PRESIDEN Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dr. Frank Walter Steinmeier.



PRESIDEN Persekutuan Austria, Tuan Yang Terutama Alexander Van der Bellen.



PRESIDEN Republik Bulgaria, Tuan Yang Terutama Rumen Radev.



PRESIDEN Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Zoran Milanović.



PRESIDEN Republik Ireland, Tuan Yang Terutama Michael D. Higgins.



PRESIDEN Republik Portugal, Tuan Yang Terutama Marcelo Rebelo de Sousa.



PRESIDEN Republik Argentina, Tuan Yang Terutama Javier Milei.



PRESIDENT of the Republic of Nicaragua, His Excellency Daniel Ortega.

Ketua-ketua Kerajaan



HIS Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Arab Saudi.



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.



PERDANA Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin.



PERDANA Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik (atas dan kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, hari ini. Pada Majlis Mengadap

yang berlangsung di Qashr Al-Meezaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turkiye, Puan Yang Terutama Dayang Noni Zurainah binti Haji Ismi. Ketua-ketua Perwakilan Negara

Brunei Darussalam yang baru dilantik tersebut menerima Surat-surat Watikah Pelantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Februari 2024.



PERDANA Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida.



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.



NAIB Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum.



PERDANA Menteri Kanada, Tuan Yang Terutama Justin Trudeau.



KETUA Majlis Pentadbiran Negara, Republik Kesatuan Myanmar, Senior General Min Aung Hlaing.

Setiausaha Agung



SETIAUSAHA Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama António Guterres.



SETIAUSAHA Agung Pertubuhan Kerjasama Islam, Tuan Yang Terutama Hissien Brahim Taha.

LATIHAN PENUH TERAKHIR HK BERJALAN LANCAR

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said



PENGERUSI-pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan hadir menyaksikan raptai penuh dan seterusnya berinteraksi bersama para peserta (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kiri dan bawah sekali kiri, sekitar raptai yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkihah.

BERAKAS, Khamis, 22 Februari. - Lebih 25,000 peserta dalam kalangan penuntut, warga Perkhidmatan Awam serta sektor swasta akan menjayakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, yang akan diadakan pada Sabtu, 24 Februari 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkihah.

Sehubungan dengan itu, raptai penuh terakhir diadakan pagi tadi bagi memastikan setiap perjalanan atur cara adalah tersusun seperti yang dirancang.

Hadir menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa

Tertinggi Sambutan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Bertemakan 'Bersatu Mencapai Cita Negara', Upacara Perhimpunan Agung Sambutan

Ulang Tahun HK NBD kali ini akan dimeriahkan dengan Perbarisan Lalu yang disertai oleh lebih 14,000 peserta dan kira-kira 11,000 peserta persembahan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan kata-kata nasihat dan semangat, sejurus selesai raptai penuh berkenaan mengingatkan setiap peserta yang terlibat semasa Upacara Perhimpunan Agung berkenaan nanti supaya akan mengambil langkah-langkah untuk menjaga kesihatan, menjaga makan dan minum dan jangan membiarkan perut kosong, selain tidak terdedah terlalu lama kepada sinaran matahari (*direct sunlight*).

Pada masa yang sama, Yang Berhormat turut menzahirkan ucapan tahniah kepada seluruh warga peserta yang terlibat kerana telah mempamerkan latihan yang cukup mantap dan sangat membanggakan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit selaku Ketua Penyelaras Tim Kreatif Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40 memuji latihan yang dijalankan dengan setiap peserta berjaya memberikan hasil terbaik bagi persembahan berkenaan.



Menurutnya, hasil yang membanggakan berkenaan didukung oleh rasa keinginan untuk ikut serta di samping rasa cinta dan setia kepada raja, agama dan negara.

Semangat mempamerkan persembahan yang terbaik berkenaan jelasnya, juga bertambah meriah dengan kehadiran daripada Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang ikut sama turun padang menyaksikan latihan penuh berkenaan.

Melalui tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' ujarnya, kita dapat melihat para peserta

mempamerkan kesepaduan dalam persembahan berkenaan, kerana ia mencerminkan sejarah lebih 600 tahun lalu, dengan pelbagai cabaran yang kita lalui dan kita perlu perjuangkan dan pertahankan kemerdekaan berkenaan.

Awang Haji Mohd. Abdoh juga turut menyatakan, semangat para peserta merupakan tulang belakang dalam pelaksanaan acara berkenaan, yang dipimpin oleh Pengerusi-pengerusi dan sokongan daripada semua Ahli Jawatankuasa yang berkenaan, menjadikan Sambutan Ulang Tahun HK NBD berkesan dan *memorable* di jiwa para peserta.



PEMANGKU Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.



Bacaan Surah Yaa Siin, Doa Khas sempena Nisfu Syaaban

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Agama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) akan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas bersempena dengan Nisfu Syaaban bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Majlis tersebut akan diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan di Masjid Hassanal Bolkihah, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri pada Sabtu, malam Ahad, 15 Syaaban 1445 Hijrah bersamaan 24 Februari 2024 Masihi mulai pukul 6.00 petang.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi sama-sama memperoleh ganjaran pahala dan keberkahan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di samping mengimarahkan masjid, surah dan balai ibadat.

CITA 40 : MANIFESTASI 40 PELUKIS WANITA TERHADAP ERTI KEMERDEKAAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Pameran Lukisan CITA 40 sempena Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 yang berlangsung di Art Venue, Mabohai Shopping Complex dan seterusnya menyaksikan pameran lukisan (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Pameran Lukisan CITA 40 sempena Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 berlangsung selama dua hari bermula hari ini hingga esok, 24 Februari 2024 bertempat di Art Venue, Mabohai Shopping Complex.

Majlis pelancarannya dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan

II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat dengan menandatangani poster perasmian dan seterusnya mencalit warna atas kanvas lukisan.

Terdahulu, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Alias bin Asat.

Tetamu kehormat kemudian menyaksikan pameran lukisan dan kemudian bergambar ramai

bersama para pelukis dan Ahli Jawatankuasa Pameran Lukisan CITA 40.

Tajuk yang dipilih untuk pameran kali ini ialah 'CITA 40, Bersatu Mencapai Cita Negara', iaitu sebuah ungkapan ringkas, padat dan sarat dengan makna yang signifikan dengan Sambutan Ulang Tahun HK Ke-40 pada tahun ini.

Ungkapan 'CITA' berkenaan diambil daripada slogan yang ada pada logo HK pada tahun ini, iaitu

'Bersatu Mencapai Cita Negara', manakala nombor '40' diambil sempena 40 tahun Sambutan HK NBD pada tahun ini.

Dalam konteks pameran 'CITA 40', ia adalah manifestasi 40 pelukis wanita terhadap erti kemerdekaan dengan lukisan mereka akan 'menceritakan' tentang cita mereka secara peribadi atau pada negara sama ada dalam bentuk yang tersurat atau yang tersirat.

Pameran berkenaan berobjektif

untuk menampilkan pelukis wanita NBD untuk mempamerkan lukisan mereka secara berkumpulan selain menanam dan mengukuhkan lagi semangat patriotisme bagi pelukis itu sendiri khasnya dan rakyat NBD amnya.

Aktiviti seumpama berkenaan juga dapat mengimarahkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40 dan memanifestasikan rasa kecintaan kepada raja dan negara melalui seni lukis.

2 Pegawai Kanan ABDB naik pangkat



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat yang berlangsung di Mes Pegawai Bolkih Garrison (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, Pemerintah ABDB semasa menyempurnakan majlis penyampaian berkenaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BOLKIAH GARISON, Khamis, 22 Februari. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seramai dua Pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat hari ini, dari pangkat Letenan Kolonel ke pangkat Kolonel Tetap.

Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan bertempat di Mes Pegawai Bolkih Garrison.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan,

Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan, mantan-mantan Pemerintah ABDB dan ahli keluarga pegawai-pegawai Kanan yang telah dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB bagi memberkati majlis tersebut.



...Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...



Berita dan Foto : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024,

diselenggarakan serentak di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat, di seluruh negara.

Seperti kelazimannya, bersempena dengan acara kenegaraan berkenaan, tumpuan

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyertai Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Daerah Tutong

diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof.

Seterusnya memimpin bacaan Surah Yaa Siin ialah Imam Tingkat I masjid berkenaan, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Sementara, Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD, dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Majlis berkenaan bertujuan bagi memohon ke hadirat Ilahi agar negara ini, raja, rakyat dan penduduk juga segala isi di dalamnya dan seluruh teluk rantau dan jajahannya akan terus dikurniakan keberkatan juga sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala, di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

utama majlis tersebut bagi Daerah Tutong ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Antara yang menyertai majlis berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, para pegawai kanan kerajaan dan juga rakyat dan penduduk di daerah tersebut.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat,



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Khamis, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang

Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan

Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara

YANG Berhormat Menteri Pembangunan menyertai Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Daerah Belait

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh imam masjid tersebut, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith yang juga memimpin bacaan Surah Yaa Siin.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Aliyani bin Ismail.

Majlis yang sama juga diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.

Di Daerah Belait, tumpuan majlis kesyukuran tersebut berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Daerah Temburong

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Khamis, 22 Februari. - Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Ke-40, Tahun 2024 Bagi Daerah Temburong dengan tema sambutan kali ini 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Masjid berkenaan, Awang Norezam bin Haji Zaini dan disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid

berkenaan, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad.

Manakala, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Harris Hamdillah bin Haji Masri.

Menyertai para jemaah pada majlis berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir juga selaku Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed; para pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para jemaah masjid.

Majlis keagamaan yang diadakan setiap tahun di ambang Sambutan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyertai Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Ulang Tahun HK NBD berkenaan adalah penzahiran kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana atas limpah kurnia rahmat-Nya jua bumi Brunei Darussalam terus dikurniakan keamanan, keselamatan dan

kemakmuran yang berpanjangan sepanjang 40 tahun mengecapi kemanisan sebagai sebuah negara merdeka, dan di bawah kepimpinan seorang raja yang bijaksana dan dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dapat menjalani kehidupan dalam keadaan selesa, bahagia dan aman damai.

GLENEAGLES JPMC ANJUR RUMAH TERBUKA TAHUN BAHARU CINA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada acara Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina yang berlangsung di Emperor's Court, Manggis Mall (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada acara berkenaan.

JALAN MUARA, Rabu, 21 Februari. - Kiri-kira 400 tetamu dan kakitangan Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) diraikan hari ini pada acara Rumah Terbuka Tahun Baharu

Cina yang berlangsung di Emperor's Court, Manggis Mall, di sini.

Hadir ke majlis tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir ialah Pegawai-pegawai Kanan kerajaan; Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan Duta-duta ke Negara Brunei Darussalam; pemegang korporat yang berkepentingan dan kakitangan yang lain.

Majlis tersebut dihoskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay selaku tuan rumah bagi pihak Gleneagles JPMC dan Pengurusan Gleneagles JPMC.

Acara berkenaan diadakan sempena sambutan Tahun Baharu Cina, dan juga untuk membina hubungan dengan pihak berkepentingan luar dan kakitangan Gleneagles JPMC.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin



Makan Malam sempena Hari Kebangsaan, Pembebasan Kuwait

YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir pada Majlis Resepsi Makan Malam dan seterusnya memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD dan wakil-wakil Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (kanan dan bawah kanan).

JERUDONG, Rabu, 21 Februari. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait Ke-63 dan Sambutan Hari Pembebasan Kuwait Ke-33, Kedutaan Besar Kuwait di Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini mengadakan Majlis Resepsi Makan Malam di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Kuwait.

Pada majlis berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke NBD, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi telah menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi berserta wakil-wakil

Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (GCC) terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin; Charge d'affaires, ad interim Kedutaan Qatar ke NBD, Mr. Mohammed Abdulrahma M.A. Al-Jufairi; dan Charge d'affaires, ad interim Kedutaan Oman ke NBD, Mr. Sultan bin Mohamed Al Azri, bersama-sama memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait.

NBD dan Kuwait menjalinkan hubungan diplomatik sejak 1 Mei 1990 dan terus berkembang sehingga kini meliputi bidang

perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.

Sejak penubuhan diplomatik, kedua-dua buah negara merancang beberapa strategi untuk mengeratkan lagi hubungan dengan mengadakan pertukaran lawatan di antara pemimpin, pembesar dan mengadakan mesyuarat dua hala di antara kedua-dua buah negara.

NBD telah menubuhkan pejabat di Kuwait pada bulan Disember 2009, manakala Kuwait pula menubuhkan pejabat kedutaannya di Bandar Seri Begawan pada bulan September 2008.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



LANGKAH PENJAGAAN KESIHATAN SEMASA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Berikutan dengan keadaan cuaca panas kebelakangan ini, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah penjagaan dan perlindungan diri daripada kesan akibat cuaca panas dan gelombang haba yang boleh menjejaskan kesihatan semasa menghadiri Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 pada tahun ini.

Cuaca panas yang terik boleh menyebabkan seseorang kerap berpeluh dan kekurangan cecair dalam tubuh yang seterusnya boleh mengakibatkan individu berkenaan mudah merasa letih dan kurang bertenaga serta berisiko mengalami dehidrasi (kekurangan air dalam badan) dan strok haba (*heat stroke*).

Kanak-kanak dan warga emas adalah antara golongan yang paling berisiko tinggi mengalami masalah kesihatan disebabkan cuaca panas ini.

Bagi mengelakkan dan mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat cuaca panas ini, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah penjagaan.

Antara langkah tersebut, orang ramai hendaklah menggunakan pelindung matahari (*sunblock*) yang bersesuaian; banyak minum air bagi mengelakkan daripada dehidrasi semasa cuaca panas.

Sentiasa membawa dengan air yang dimasak atau air dalam botol dan minum secukupnya, serta elakkan dari meminum minuman yang tinggi kandungan gula; makan sarapan pagi sebelum menghadiri latihan atau majlis sambutan; Jangan hadiri acara jika berasa kurang sihat dan pakai topi yang boleh melindungi diri daripada terdedah secara langsung kepada sinar matahari.

Orang ramai juga hendaklah mengelakkan daripada memakai pakaian berwarna gelap, tebal dan ketat; Jangan sekali-kali duduk atau tinggalkan orang atau haiwan peliharaan di dalam kenderaan yang tertutup dan tidak dipasang alat penghawa dingin dan ketahui tanda-tanda awal strok haba dan segera berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan jika mengalami tanda-tanda berkenaan.

Antara tanda strok haba termasuk suhu badan yang tinggi; berasa pening; kurang berpeluh walaupun cuaca panas; kulit kemerahan, kering dan panas; otot terasa lemah atau berlaku kekejangan otot; berasa mual dan muntah; mengalami denyutan jantung yang cepat; mengalami pernafasan yang cepat dan cetek (tidak dapat menarik nafas dalam-dalam); mengalami perubahan tingkah laku seperti kekeliruan, hilang orientasi atau kekejutan; sawan; dan tidak sedarkan diri.

Orang ramai yang memerlukan bantuan perubatan semasa

menghadiri sesi latihan atau semasa Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 boleh pergi ke klinik-klinik perubatan yang disediakan.

Terdapat 11 klinik perubatan disediakan iaitu di Concourse Level, Clinic 1 berdekatan kawasan Pagar Utama (Main Gate); Clinic 2 berdekatan kawasan Scoreboard; Clinic 3 berdekatan Obor Sea Game dan

Clinic 4 berdekatan kawasan pintu masuk belakang (*back entrance*).

Sementara di Ground Level, Clinic 5 berdekatan kawasan Sports Medicine And Research Centre (SMRC), Clinic 6 berdekatan kawasan Gym dan Clinic 7 berdekatan kawasan Tangga Besar.

Manakala, di luar kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Clinic 8 kawasan

Budiman Walk; Clinic 9 kawasan Pentagon Park; Clinic 10 kawasan Kolam Renang Kebangsaan dan Clinic 11 kawasan Stadium Tertutup.

Bagi sebarang perkembangan terkini, orang ramai boleh mengunjungi laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau mengikuti media sosial rasmi @mohbrunei atau menghubungi Talian Darussalam 123.



LOKASI klinik-klinik perubatan yang disediakan untuk orang ramai yang memerlukan bantuan perubatan semasa menghadiri sesi latihan atau semasa Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 (atas, bawah dan bawah sekali).



كلمنترين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

Tekanan darah tinggi

Kolesterol tinggi

Kencing manis

Kanser

Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Tertuju kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perijinan berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakat di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

Pemeriksaan kanser kolorektal

Tertuju kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50-75 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser payudara

Tertuju kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-75 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
4. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser serviks

Tertuju kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 25-65 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

PBSM TERIMA SUMBANGAN AMBULANS BAHARU

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



JERUDONG, Khamis, 22 Februari. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) menyumbangkan sebuah kereta ambulans serba lengkap kepada Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) sebagai komitmen pusat perubatan berkenaan untuk menyokong kerja organisasi kemanusiaan dan meningkatkan akses kepada penjagaan perubatan kecemasan dalam kalangan masyarakat tempatan.

Kereta ambulans yang dilengkapi dengan peralatan perubatan canggih tersebut akan meningkatkan kebolehan PBSM untuk memberi respons yang cepat dan berkesan

terhadap situasi kecemasan dan memastikan mereka yang memerlukan menerima penjagaan perubatan pantas yang dapat menyelamatkan nyawa.

Sumbangan tersebut diserahkan petang tadi di JPMC oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin selaku Ahli Lembaga JPMC kepada Setiausaha Agung PBSM Brunei Darussalam, Ir. Simon K.A. Leong.

Terdahulu, Pemangku Ketua Pegawai Operasi JPMC, Bun Pei Ling, dalam ucapannya berkata, sebagai institusi penjagaan kesihatan, JPMC menyedari akan kepentingan penjagaan kecemasan yang pantas serta berkesan dan peranan PBSM dalam menyediakan bantuan perubatan penting kepada mereka yang memerlukan terutama pada waktu krisis dan kecemasan.

"Sumbangan ambulans ini



JERUDONG Park Medical Centre (JPMC) menyumbangkan sebuah kereta ambulans serba lengkap kepada Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kiri, Setiausaha Agung PBSM Brunei Darussalam, Ir. Simon K.A. Leong semasa berucap.



lebih dari hanya menyediakan kenderaan; ia merupakan *lifeline* bagi orang-orang dan keluarga-keluarga yang menghadapi kecemasan perubatan.

"Ia akan membolehkan

PBSM Brunei Darussalam untuk mempertingkatkan kapasiti mereka untuk merespons secara pantas dan berkesan terhadap krisis dan memastikan setiap orang menerima penjagaan kecemasan

di saat memerlukan," katanya.

Turuthadir pada majlis itu, wakil-wakil PBSM Brunei Darussalam; serta team pengurusan kanan, ketua-ketua jabatan dan kakitangan JPMC.

كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai **program pemeriksaan kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Sumbangan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Pengisytiharan ruang udara terhad pada 24 Februari ini

■ Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sebagai langkah keselamatan tambahan, ruang udara di atas Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan sekitarnya adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad pada 24 Februari 2024.

Di bawah pengisytiharan berkenaan, pesawat-pesawat termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh), tidak dibenarkan beroperasi di ruang udara berkenaan kecuali yang mendapat keizinan.

Kegagalan untuk mematuhi peraturan berkenaan dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam, di bawah Seksyen 51 Perintah Penerbangan Awam 2006.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam, menerusi talian +673 2330142 sambungan 1455 atau melalui e-mel unmanned.aircraft@dca.gov.bn.

Jabatan Penerbangan Awam ingin mengucapkan terima kasih kepada orang ramai atas kerjasama dan mematuhi pengisytiharan berkenaan.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2024
2. 'Persediaan Di Ambang Ramadan'. Tarikh Tutup : 6 Mac 2024
3. 'Majukan Pengusaha Tempatan'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn **Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**



برساتو
منچاپاي
চিতা নেগারা

BERSATU
MENCAPAI
CITA NEGARA



Keluaran Khas
قليتا بروني

PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Keluaran Sabtu
24 Februari 2024
14 Syaaban 1445



*Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam*

Ke-40 Tahun

الواطير
MERDEKA
1984

1445

Oleh: Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto: Jabatan Penerangan

قوست قومثوان دان كانق ٢

Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak
Women and Children's Centre



Integriti, patriotisme, kemajuan transformasi empat dekad mengubah landskap negara

ALHAMDULILLAH kita sudah berada pada tahun 2024, sudah 40 tahun Negara Brunei Darussalam merdeka. Pada 1 Januari 1984 yang lalu, negara kita, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaan penuh dan peristiwa ini merupakan satu sejarah yang akan menjadi ristaan generasi akan datang. Senario landskap politik yang terus stabil dan mantap, ekonomi yang kukuh serta corak kepimpinan yang cemerlang berlandaskan Melayu Islam Beraja telah membolehkan bangsa kita setara dan sehebat dengan masyarakat antarabangsa. Empat puluh tahun negara kita merdeka telah menyaksikan pelbagai perubahan sehingga rakyat dan penduduk di negara ini mengacapi segala kemudahan serta menikmati kemajuan yang ada pada masa ini.

Tema kemerdekaan cetus semangat patriotisme

Setiap kali menyambut Hari Kebangsaan kita akan disajikan dengan tema kemerdekaan tersebut. Satu persoalan yang harus ditanya sejauh manakah tema kemerdekaan ini dapat difahami dan dihayati oleh rakyat negara ini? Tema kemerdekaan ini sebenarnya amat berkait rapat dengan mengisi pengertian sebuah kemerdekaan. Apakah yang sudah kita capai untuk negara ini setelah 40 tahun merdeka yang dapat memberi kepuasan kepada diri kita sendiri selaku rakyat di bumi bertuah ini?

Kini kita akan menyambut Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 tahun. Tema kemerdekaan ini bukanlah hanya satu slogan yang berbentuk retorik semata-mata untuk menghiasi hari kemerdekaan dan akan berakhir selepas hujung bulan Februari, akan tetapi, tema tersebut merupakan satu gagasan yang mengisi sebuah kemerdekaan dan dapat diterjemahkan di dalam sanubari seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam. Teguhkan semangat patriotisme kita, biarkan nadi dan jiwa kita bersatu menghembus semangat merdeka yang akan dipertahankan sebagai hadiah untuk raja, bangsa dan negara kita.

Hubungan diplomatik

Setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, negara telah

menjadi ahli kepada pelbagai pertubuhan serantau dan antarabangsa. Negara Brunei Darussalam sentiasa menjaga dan memelihara hubungannya dengan negara-negara sahabat, terutamanya dengan negara-negara jiran dan antarabangsa.

Untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara di rantau ini, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan dasar saling hormat-menghormati, tidak campur tangan dan menyelesaikan konflik secara aman, bekerjasama di samping mengeratkan hubungan dua hala.

Negara Brunei Darussalam menjadi Ahli Pertubuhan Komanwel; ASEAN; OIC; PBB; APEC; NAM; ASEM; WTO serta lain-lain pertubuhan. Melalui pelbagai perjanjian perdagangan dua hala mahupun keahlian serta kerjasama-kerjasama serantau di dalam ASEAN dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, termasuk APEC, OIC, Komanwel (CHOGM), WTO dan seumpamanya, negara telah terus mempertingkatkan dan membuka peluang-peluang pasaran baru di arena global.

Kemajuan yang dikecapi

Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat, banyak kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini. Negara Brunei Darussalam terus berkembang dan membangun menuju Wawasan Brunei 2035, sebagai sebuah negara yang maju dan dikenali di seluruh dunia di mana rakyatnya hidup aman dan sejahtera.

Untuk itu, beberapa jejambat dan jalan raya baharu, di samping kerja-kerja menaik taraf jalan raya serta memulihara jalan-jalan raya yang sudah ada adalah antara rancangan yang giat diunkayahkan pada masa ini. Ini termasuklah bagi pemeliharaan aset-aset kerajaan dan perkembangan infrastruktur di negara ini, taraf kemudahan awam seperti jalan raya, pemeliharaan sistem bekalan air dan sebagainya.

Sektor pertanian dan perindustrian menunjukkan kemajuan yang membanggakan. Sektor pertanian masih menghadapi cabaran dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta menghadapi masalah dalam mempertahankan tanah pertanian yang semakin berkurangan. Sementara itu, sektor perindustrian

menghadapi cabaran dalam mempertahankan daya saing dan memenuhi permintaan pasaran yang semakin ketat.

Sektor perkhidmatan yang dinamik

Membangunkan sektor perkhidmatan memerlukan daya ketahanan serta sifat jujur dan amanah dalam pelaksanaan tugas. Sektor perkhidmatan semakin penting dalam ekonomi di negara ini meskipun masih terdapat cabaran dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memenuhi permintaan pasaran yang semakin berubah. Selain itu, terdapat cabaran dalam mempertahankan tenaga kerja yang berkualiti dan memastikan kecekapan dalam pengurusan perkhidmatan.

Tadbir urus dan Perkhidmatan Awam hendaklah telus, bertanggungjawab dan mematuhi kedaulatan undang-undang. Tadbir urus negara yang telus / padu, moden dan cekap juga akan mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, pihak kerajaan telah mengambil pelbagai *blueprints* - Ekonomi, Sosial dan Digital seperti pelan pembangunan ekonomi, pelan transformasi ekonomi dan pelan induk pembangunan luar bandar. Selain itu, kerajaan juga telah memberikan sokongan kepada sektor-sektor yang memerlukan seperti sektor pertanian dan perindustrian melalui pelbagai insentif dan bantuan kewangan.

Ekonomi yang berdaya saing

Dalam usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang, setiap individu juga perlu berperanan dengan memberikan sumbangan dalam sektor yang mereka ceburi. Selain itu, pendidikan dan latihan juga penting dalam memastikan tenaga kerja yang berkualiti dan memenuhi permintaan pasaran yang semakin ketat. Dengan

prasarana yang mencukupi, untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, ia adalah juga diharapkan akan dapat menarik pelaburan asing ke negara ini, bagi menjana pertumbuhan ekonomi agar negara kita akan terus makmur dan maju.

Pendidikan anak-anak bangsa

Pendidikan di Negara Brunei Darussalam berkembang mengikut arus globalisasi agar anak-anak bangsa dapat menangani dan bersiap sedia menghadapi sebarang cabaran.

Bagi memastikan kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah sekurang-kurangnya selama sembilan tahun, dua undang-undang dalam bidang pendidikan telah digubal iaitu Akta Perintah Pendidikan Wajib yang dikuatkuasakan pada 24 November 2007. Sementara itu, satu lagi undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Biasiswa Sultan's Scholar ditawarkan kepada penuntut-penuntut terpilih yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya bagi mengikuti kursus peringkat Ijazah Pertama di universiti yang berprestij dan dikenali pasti oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Institusi-institusi tinggi seperti UBD, UTB, UNISSA, KUPU SB, IBTE, Politeknik membuka peluang bagi pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk mendapatkan ilmu. Institusi-institusi ini menawarkan pembelajaran yang setanding dengan institusi-institusi di luar negara. Justeru bidang pendidikan yang ada di negara ini mampu memenuhi hasrat pelajar-pelajar untuk meraih ilmu sebanyak-banyaknya dengan harapan untuk memajukan negara serta menjadikan negara ini negara yang dipenuhi orang-orang yang berilmu.

>> Muka III





>> Muka II

Perumahan negara yang mampan

Bagi penyediaan perumahan negara yang mampan, pelaksanaan perancangan pembinaan skim-skim perumahan negara untuk rakyat yang memerlukan rumah sama ada melalui Rancangan Kemajuan Negara atau mencari kaedah-kaedah lain yang difikirkan sesuai bagi pengurangan penggantungan sepenuhnya kepada perbelanjaan kerajaan. Dalam RKN-11, dengan harga rancangan berjumlah BND250 juta, sebanyak BND38.8 juta diperuntukkan bagi meneruskan beberapa projek perumahan seperti Projek RPN Kampung Lugu, Projek RPN Kampung Tanah Jambu. Sementara itu, 10 blok (300 unit) rumah pangsa H40 di Kampung Lambak, setakat ini 245 unit sudah didiami dan selebihnya akan diisikan dalam sedikit masa lagi.

Penyediaan infrastruktur

Jabatan Kerja Raya dipertanggungjawabkan bagi menyediakan prasarana dan melaksanakan pelan perancangan pembangunan infrastruktur, kemudahan awam yang berdaya tahan dan resilien seperti jalan-jalan raya, termasuk sistem saliran dan pembetulan serta perbekalan air yang teratur, *reliable* dan mencukupi. Begitu juga dengan kerja-kerja penambahbaikan ke atas aset-aset infrastruktur. Di dalam usaha untuk menyediakan kemudahan sistem perhubungan jalan raya yang selamat dan selesa serta memastikan pergerakan yang efisien di kawasan-kawasan yang berkenaan, di bawah RKN-11 ini, sejumlah 25 buah simpang-simpang jalan serta empat buah jalan daerah dan kampung telah dapat disiapkan. Di samping itu juga, projek pembinaan *flyover* di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong dan Rancangan Perumahan Lugu telah siap dilaksanakan dan mula dibukakan kepada orang ramai pada 20 Februari yang lalu. Begitu juga pembinaan jambatan di persimpangan Jalan Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu sedang dalam pembinaan.

Apa yang lebih signifikan lagi ialah jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin. Negara menjadi tumpuan kerana kedua-dua jambatan ini begitu penting kepada seluruh rakyat di negara ini baik dari segi ekonomi, kesejahteraan serta kemudahan yang disediakan.

Penyediaan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang berdaya tahan adalah sebagai bukti bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil berat terhadap kebijakan rakyat di negara ini dan setentunya akan memberi impak positif terhadap kesejahteraan awam dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara yang lebih mampan dan dinamik dan menyumbang kepada pembangunan sosial, mewujudkan peluang pekerjaan masyarakat dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk. Kesemua usaha-usaha kerajaan ini adalah bagi memastikan matlamat Wawasan Brunei 2035 akan tercapai.

Mendukung hasrat kerajaan ke arah Digital Economy dan Smart Nation, Digital Paradigm Framework 2020 - 2025 Kementerian Pembangunan yang telah dilancarkan, berhasrat untuk melarutkan 19 penggunaan teknologi di dalam aspek pentadbiran, pengurusan projek-projek infrastruktur, pemantauan, kumpulan data maklumat secara *integrated* termasuk pemeliharaan aset-aset dan penyediaan perkhidmatan.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik (DES) sedang menjalankan projek penggantian STS (Standard Transfer Specification) STAR dan meter prabayar INHE kepada meter pintar melalui projek Sistem Pemeteran Pintar Bersepadu (USMS). Projek ini merupakan kerjasama antara kerajaan dan DST Network Sdn. Bhd. (DSTN). Penggantian kepada meter pintar adalah sebahagian daripada usaha DES untuk mengurangkan Rollover Pengcam Token (TID Rollover).

Kesihatan

Bagi melarutkan dan menyokong penuh Wawasan Brunei 2035 khususnya dalam mencapai matlamat meningkatkan kualiti hidup rakyat, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan Sistem Kesihatan dan Pelan Induk Infrastruktur Brunei Darussalam yang mana merupakan pelan komprehensif yang bertindak sebagai panduan untuk melaksanakan langkah-langkah strategik untuk meningkatkan perkhidmatan - perkhidmatan penjagaan kesihatan negara pada Abad Ke-21 ini. Penggunaan ICT dalam sistem penjagaan kesihatan juga telah

dilaksanakan seperti menguatkuasakan dasar untuk mewajibkan penggunaan Sistem Elektronik Rekod Pesakit (Bru-HIMS) di semua pusat kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Pelaksanaan sistem maklumat dan Pengurusan Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam (Bru-HIMS) telah mendatangkan kesan yang positif lagi signifikan dalam memperkesakan lagi kualiti dan penambahbaikan penjagaan serta perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Di antara penggunaan teknologi digital di perkhidmatan-perkhidmatan perubatan yang sudah dimulakan ialah penaiktarafan mesin MRI dan CT Scan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Dua mesin baharu Jabatan Radiologi iaitu 3.0 Tesla Magnetic Resonance Imaging (MRI) dan 128 Dual Source Computed Tomography (CT) juga telah dirasmikan bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan diagnosis yang lebih baik. Mesin 3.0 Tesla MRI berjenama Siemens Magnetom Sykrafid didatangkan dengan Teknologi Biomatrix yang disesuaikan dengan pesakit, untuk meningkatkan keselesaan pesakit. Mesin CT 128 Dual Source CT berjenama Siemens Somatom Drive - Dual X-ray Tube and Detector pula ialah CT lebih pantas (imbasan sehingga 458mm/s).

Begitu juga dengan pelaksanaan beberapa projek termasuk penambahbaikan infrastruktur, penyediaan teknologi dan peralatan perubatan yang canggih dan moden serta penyumbangan luar beberapa perkhidmatan dukungan, untuk memastikan keselamatan, keselesaan dan kebajikan, serta memberikan kemudahan kepada pesakit dan pengguna.

Pada 5 Mei 2020, aplikasi BruHealth dikenalkan kepada orang ramai yang pada awalnya bertujuan bagi pelaksanaan pelan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial bagi pengawalan wabak COVID-19. Aplikasi ini sememangnya tidak hanya terhad kepada pengawalan

penyakit berjangkit sahaja, malah mempunyai ciri-ciri yang berfaedah dalam penjagaan kesihatan seperti yang telah dikongsikan oleh Kementerian Kesihatan kepada orang ramai. Aplikasi BruHealth akan memainkan peranan yang sangat penting dalam Program Vaksinasi COVID-19.

Aplikasi ini juga merupakan satu inisiatif Kementerian Kesihatan bagi mengembangkan lagi prinsip *one patient one record*, Mini Hospital Information System Platform juga dikenalkan melalui aplikasi ini. Selain mengukuhkan lagi sistem *one patient one record* yang memang menjadi matlamat kementerian ini, ia juga mendukung inisiatif Kementerian Kesihatan dalam menyediakan *patient-centred care*, di samping menjaga keselamatan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Kesimpulan

Marilah kita memperkukuh semangat cintakan negara dalam diri masing-masing. Rasa cinta terhadap negara itu kemudian disebarkan dengan melakukan perkara dapat melestarikan perpaduan rakyat.

Dalam urusan menjaga nama baik negara kita, setiap warganegara perlu memperkuat ikatan kebersamaan kerana ia kunci penting memastikan negara ini terus aman, sejahtera serta kukuh. Kebersamaan yang dimaksudkan termasuklah kesepakatan, sentiasa bertolak ansur, saling membantu semata-mata untuk kesejahteraan negara ini. Pembangunan negara akan terus berjalan jika setiap rakyat dan penduduk di negara ini berusaha dengan gigih demi semangat cintakan tanah air dan harapan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam terkenal dan *digalati* di arena antarabangsa.



Jiwa merdeka jadikan Negara Brunei Darussalam hebat di mata dunia

Rencana oleh: *Ab. Jeffery Pg. Durahman*
 Foto: *Awang Dayang Hardekawani Haji Awang Hassim / Syalihin Haji Ludin / Dayangku Huzimah Pengiran Omar / Aidi Hajri @ Muhammad Hadi Shaheed*



“Sebagai seorang anak Brunei yang lahir pada tahun 1984, saya berasa amat bersyukur menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam dan seterusnya berasa bertuah dan bangga kerana dilahirkan dengan momen bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam. Perasaan yang terikat wujud dengan peristiwa penting dan melihatnya sebagai sebahagian identiti diri dan negara. Perasaan bertanggungjawab juga dirasai untuk menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara serta terus menghargai nilai-nilai kebangsaan.

Kemerdekaan bagi saya adalah bebas daripada penjajahan dan mempunyai kawalan penuh ke atas negara. Bagi rakyat Brunei, kemerdekaan bermaksud negara mempunyai hak untuk menentukan masa depan negara, memelihara identiti budaya serta agama Islam serta menguruskan sumber daya negara secara bebas. Kemerdekaan juga membawa tanggungjawab kepada rakyat untuk memastikan pembangunan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam”.

Sebagai seorang rakyat jati Brunei, Dayang Hardekawani berpandangan tentang pencapaian Negara Brunei Darussalam selama 40 tahun kemerdekaan di mana ia boleh dihuraikan daripada beberapa aspek, termasuklah kemajuan ekonomi, pembangunan sosial, kestabilan politik dan hubungan antarabangsa.

Dayang Hardekawani binti Haji Awang Hassim
 Setiausaha Ketiga di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam, Beijing, Republik Rakyat China
 Lahir pada : 24 Februari 1984



“Kemerdekaan, bagi saya, menandakan kebebasan dan kedaulatan negara *kitani*, Negara Brunei Darussalam. Dilahirkan pada tahun 1984 yang penuh keberkatan, saya telah memupuk semangat kemerdekaan dengan mengabdikan diri kepada pertumbuhan peribadi dan kecemerlangan profesional. Sebagai rakyat Brunei yang bangga, saya terus berusaha untuk mewakili negara saya dengan rasa hormat dan bermaruah, baik di awan biru mahupun di bumi. Melalui perkhidmatan saya sebagai anak kapal kabin, saya berhasrat untuk mempromosikan nilai, tradisi dan layanan Brunei kepada penumpang dari seluruh dunia, sekali gus menyumbang kepada imej dan reputasi positif negara *kitani* dan raja tercinta.

Menggambarkan 40 tahun kemerdekaan, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemajuan dan pembangunan yang ketara merentasi pelbagai sektor. Daripada pemodenan infrastruktur dan kepelbagaian ekonomi kepada kemajuan dalam pendidikan, penjagaan kesihatan dan teknologi, negara *kitani* telah menunjukkan daya tahan, kestabilan dan kemakmuran. Lebih-lebih lagi, komitmen Kerajaan Negara Brunei Darussalam terhadap pemuliharaan alam sekitar, kebajikan sosial dan keharmonian agama menunjukkan dedikasi *kitani* kepada pertumbuhan mampan dan kesejahteraan rakyat *kitani*. Sebagai rakyat Brunei yang patriotik dan ahli Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, saya amat berbangga dengan pencapaian negara *kitani* dan kekal teguh dalam perjalanan *kitani* ke arah masa depan yang lebih cerah, terutamanya ketika Negara Brunei Darussalam mencapai matlamatnya untuk tahun 2035”.

Awang Aidil Hajri @ Muhammad Hadi bin Shaheed
 Lahir pada : 1984
 Kru Kabin Syarikat Penerbangan Diraja Brunei



Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah
 Lahir pada : 16 Februari 1984
 Pemangku Pengarah Penerangan



“Kemerdekaan adalah satu anugerah Allah yang perlu *kitani* sama-sama tanai dan jaga. Menjaga kedaulatan dan kemerdekaan sebuah negara itu adalah satu tanggungjawab bagi setiap rakyat dan penduduk di negara ini. Kemerdekaan itu juga bermaksud bahawa *kitani* mempunyai kebebasan untuk melaksanakan tadbir urus negara ini mengikut calak *kitani* sendiri dalam mengekalkan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat serta penduduknya sejak dari lahir hinggalah ke zaman tua.

Dalam tempoh 40 tahun menyambut Hari Kebangsaan, negara ini telah membangun dengan konsistennya dalam pelbagai aspek yang melangkaui setiap peringkat rakyat dan penduduknya. Sebagai seorang pegawai wanita yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam selama 16 tahun, saya juga berpeluang untuk melalui fasa-fasa pembangunan dalam kerjaya secara setara. Bahkan, pada masa ini, ramai pegawai-pegawai kanan yang terdiri daripada kaum wanita di negara ini.

Lahir pada bulan dan tahun Sambutan Hari Kebangsaan negara ini, saya berasa amat bersyukur dengan apa yang telah diberikan kepada saya mahupun keluarga saya. Saya juga berasa amat bangga menjadi anak bangsa negara ini dan sentiasa akan mendukung hasrat negara yang menjurus kepada kesejahteraan rakyat amnya.

Pada saya sendiri, erti kemerdekaan ini terpahat dalam hati dan nurani sebagai salah satu nikmat Allah yang mungkin *we take for granted*. Untuk itu, saya akan sentiasa mengingatkan diri sendiri bahawa apa yang *kitani* ada pada hari ini perlulah disyukuri. Menanamkan rasa kecintaan itu bolehlah dimanifestasikan dengan berusaha lebih gigih, ikhlas dan lebih mandiri untuk menjana kehidupan yang mampan. Memajukan diri sendiri adalah tanggungjawab sendiri untuk sama-sama membangun negara dan masyarakat *kitani*.

Personally, pada usia 40 tahun dan seorang ibu kepada anak autisme, saya berasa amat bangga kerana telah diberikan kepercayaan untuk menerajui salah satu jabatan kerajaan di negara ini. Ia adalah satu tanggungjawab dan amanah yang amat berat, akan tetapi saya mengambil ini sebagai satu cabaran kerana setiap individu mempunyai *learning curve*-nya yang tersendiri di dalam kehidupan dan kerjaya masing-masing.

Dilihat dalam tempoh 10-15 tahun ke belakang, salah satu perkembangan yang ketara ialah dalam bidang pendidikan tinggi di negara ini. Bukan sahaja dalam aspek infrastruktur, malahan dalam metodologi pendidikan dan pilihan-pilihan kursus (*choices of courses*) di peringkat sarjana muda dan sarjana berbanding semasa zaman universiti saya dahulu. Masih banyak yang dapat dikembangkan di negara ini dalam aspek pendidikan sendiri, kerana bagi saya kekukuhan institusi pendidikan itu memainkan peranan utama dalam pembangunan masyarakat untuk mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 termasuklah bagi kanak-kanak berkelainan upaya.

Semua ini sudah setentunya tidak akan dapat dicapai tanpa kepimpinan raja yang berjiwa rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat cekap, bijaksana dan mempunyai visi yang jelas berteraskan agama Islam Ahli Sunnah Waljamaah”.

Akhir kata, saya selaku penulis dan mewakili seluruh warga di Jabatan Penerangan turut menzahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-40 kepada seluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam.

SELAKU rakyat di bawah naungan payung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita seharusnya menghayati erti sebenar kemerdekaan dan menzahirkan semangat itu dalam bentuk perpaduan yang jitu serta keharmonian yang utuh, demi mengekalkan kemakmuran ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat. Rakyat yang berjiwa merdeka adalah mesej penting bagi membolehkan Brunei Darussalam menjadi sebuah negara hebat.

Menerusi pendekatan Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa anak-anak tempatan yang lahir pada tahun 1984 mengenai dengan Sambutan Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-40 dan bagaimana mereka selaku rakyat di negara berdaulat ini menjulang erti sebenar hidup dalam suasana merdeka dan bersatu padu serta harmoni.



“Saya berasa amat bangga dilahirkan pada tahun 1984, kerana tahun 1984 adalah tahun yang amat bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam apabila laungan Allahuakbar dilaungkan tepat jam 12.00 tengah malam pada 1 Januari 1984 bagi menandakan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Bagi saya erti kemerdekaan adalah kebebasan daripada naungan orang luar, kebebasan bagi Negara Brunei Darussalam menentukan hala tuju negara ke masa hadapan berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Alhamdulillah selama 40 tahun rakyat negara Brunei Darussalam telah mengalami banyak perubahan dan ada banyak kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan bagi memastikan semua rakyat di negara ini dapat hidup selesa dan menaik taraf gaya kehidupan”.

Awang Syalihin bin Haji Ludin
 Pasukan Polis Diraja Brunei, Balai Polis Bandar Seri Begawan
 Lahir pada : 24 Januari 1984

Dayangku Huzimah binti Pengiran Omar
 Jururawat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
 Lahir pada : 23 Mac 1984

“Alhamdulillah, sebagai salah seorang rakyat di bumi bertuah ini Negara Brunei Darussalam, saya rasa amat bersyukur lahir pada tahun 1984, tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dan saya amat berbangga walaupun tidak menyaksikan peristiwa penting negara pada ketika itu.

Erti merdeka bagi saya cukup bermakna serta memberi erti besar kepada negara Brunei Darussalam yang berjaya mencapai kemerdekaan dengan berdaulat.

Alhamdulillah, sejak tahun 1984, rakyat jelata terus sahaja menikmati pendidikan, kualiti kehidupan yang tinggi, taraf sosioekonomi dan sosial yang mampan bahkan keseluruhan kemudahan, kesenangan dan keistimewaan yang diberikan dapat dinikmati dengan saksamanya. Kesemua ini juga berkat adanya pemimpin kita yang disayangi dan begitu prihatin kepada negara, rakyat dan penduduknya iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-29”.



Bila dikenang...

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Nurul Razidah Mohamad Roslan, Ab. Md. Aminol Abi Saaris Pg. Hj. Nohman

PENULIS telah berkesempatan menemu bual tiga orang tokoh dengan menceritakan pengalaman masing-masing dan nikmat kemerdekaan yang perlu disyukuri menjadi kebanggaan rakyat.

“SEMASA Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, saya menjawat jawatan sebagai Pegawai Pelajaran di Pusat Tingkatan Enam (sekarang Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah). Saya tamat mengikuti pengajian di Singapura dengan kelulusan Sarjana Muda Sains Sosial dan antara penuntut pertama lulus dari Singapura pada tahun 1980.

Saya mula belajar di Singapura pada tahun 1971. Pada tahun 1950-an sudah mula ada biasiswa untuk aliran Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Saya mengikuti aliran Melayu. Biasiswa belajar di luar negara ketika itu adalah untuk menyediakan negara tenaga kerja tempatan bagi persediaan *kitani* untuk mencapai kemerdekaan 1984.

Selepas perang dunia kedua, anak-anak tempatan dihantar keluar negeri termasuk Singapura, Malaysia, Mesir dan United Kingdom untuk mengisi jawatan kosong dalam pentadbiran kerajaan. Apabila saya lulus 1980 maka saya melapor untuk memilih jawatan. Akhirnya saya menjadi guru.

Pada malam proklamasi saya turut berada di Padang Besar. Saya amat bersyukur dan ingin mengetahui apakah perubahan yang akan diterima selepas itu. Ini kerana kita telah menerima kembali kedaulatan negara *kitani* khususnya pentadbiran luar dan pertahanan. Dari segi pentadbiran dalam negeri memang sudah diambil alih oleh negara *kitani*. Namun walaupun

sudah diambil, tetapi masih banyak pegawai-pegawai ketika itu yang dipinjam daripada luar negara terutama bidang pendidikan, pentadbiran, ketua jabatan masih belum diisi oleh anak tempatan.

Memang semasa sambutan rasa syukur yang tidak terhingga dengan bunyi hadrah menaikkan lagi semangat mereka yang hadir.

Kemerdekaan itu hendaklah *kitani* pelihara kerana ia adalah mahkota bangsa dan menjunjungnya paling tinggi. Nikmat yang *kitani* terima hari ini adalah hasil dari perjuangan orang tua-tua.

Semasa Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan yang pertama, saya turut terlibat dalam menyediakan pembaca ikrar yang pertama. Kami memilih penuntut yang terbaik dan yang melatih mereka ketika itu ialah guru kanan.

Sebaik sahaja *kitani* merdeka, Alhamdulillah, kita mempunyai jambatan yang dicita-citakan antaranya Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (yang juga dikenali sebagai Jambatan Sungai Kebun) dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (yang juga dikenali sebagai Jambatan Temburong). Itulah lambang kemajuan teknologi dari segi pembangunan. Yang paling penting, Jambatan Temburong dapat menyatukan wilayah yang terpisah, Daerah Temburong bersatu dengan tiga daerah yang lain. Itulah antara nikmat kemerdekaan.

Sebelum kemerdekaan, peruntukan dikawal oleh pihak British. Untuk Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Pertama, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin telah memohon peruntukan sebanyak

BND100 juta. Berdasarkan RKN dan peruntukan itu, pembinaan masjid, bangunan Setiausaha Kerajaan, Bangunan Lapau, jalan raya ke Daerah Belait, sistem perhubungan infrastruktur wujud dan terus berkembang.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, infrastruktur kian berkembang. Misalnya, dari segi pendidikan, universiti hanya wujud setelah *kitani* merdeka. Lahirlah anak tempatan berpendidikan.

Selain itu, pentadbiran awam juga semakin berkembang iaitu daripada sistem Menteri Besar kepada sistem berkementerian. Maka lahirlah Menteri-Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dalam kalangan anak tempatan. Ia selaras dengan sistem di luar negeri.

Banyak yang boleh *kitani* buat apabila kita capai kemerdekaan. Kepimpinan diambil anak tempatan. Jika dulu, ketua jabatan adalah orang Inggeris. Guru besar juga orang Inggeris. Mengajar subjek seperti Science, Mathematics, English semuanya orang Inggeris atau India.

Kemerdekaan juga membawa perubahan dari segi cara hidup beragama Islam yang semakin kukuh. Undang-undang seperti pengharaman minuman keras, pengharaman rokok diharamkan membuatkan cara hidup kita berubah menuju kesempurnaan. Sekarang ini cara hidup beragama itu lebih mantap dan lebih kuat.

Dari segi kesihatan iaitu pengalaman saya semasa di pedalaman sebelum merdeka, perkhidmatan kesihatan agak jarang diterima. Perkhidmatan menggunakan helikopter dan motorbot hanya datang pada waktu tertentu. Adik-beradik saya ada yang meninggal dunia hanya kerana demam panas. Ketika itu sukar untuk berjumpa doktor, malah untuk memperoleh ubat juga agak sukar. Hanya mengharapkan perubatan tradisional seperti air bertawari, jika sakit perut dibarut dengan pinang dan sirih manakala jika



sakit kepala dipangkah kepala menggunakan kunyit. Tahap kebersihan juga kurang memuaskan, misalnya ke sekolah tidak berkasut, kebersihan kuku kurang memuaskan menyebabkan ketika itu kanak-kanak sering demam dan sakit perut (bercacing). Ketika ini akses kesihatan sudah mudah. Infrastruktur sudah bertambah baik. Perkhidmatan kesihatan yang ada ketika ini amat dihargai dan disyukuri. Itulah dia nikmat dan rahmat merdeka yang *kitani* terima. Ia dapat memberikan kesenangan dan kesempurnaan hidup”.

Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos
Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) dan Pengasas Qasrun Nafiz Publishing House

“SEMASA negara mencapai kemerdekaan, saya ketika itu sedang dalam pengajian tahun kedua mengikuti kursus Sarjana Muda di United Kingdom (UK). Semasa saya mula-mula belajar, kami menggunakan pasport British. Walaupun saya berada di luar negara tetapi saya sentiasa mengikuti perkembangan persiapan kemerdekaan ketika itu melalui Pelita Brunei yang sering dikirim oleh ayah saya.

Semasa saya balik ke Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk cuti semester, saya ada melihat perubahan di Bandar Seri Begawan, yang ketika itu bersiap-siap kepada kemerdekaan. Semasa hari kemerdekaan, saya sudah balik ke UK. Sekitar awal tahun kira-kira dalam bulan Januari atau Februari, saya telah dihubungi oleh pihak Suruhanjaya Tinggi NBD (High Commissioner) yang

ketika itu baru ditubuhkan. Sebelum tahun 1984, ia digelar Agensi Kerajaan Brunei. Saya dihubungi oleh pegawai imigresen yang bertugas di Suruhanjaya Tinggi NBD, menyuruh saya turun ke London untuk membuat pasport baharu. Kami beredar turun ke London. Apabila sampai di Suruhanjaya Tinggi kami serahkan pasport British, dan bergambar untuk pasport baharu.

Apabila pulang cuti semester pada bulan Jun, kami memakai pasport yang baharu itu. Itulah perubahan yang kami rasakan, status daripada seorang warga yang dilindungi di bawah naungan Kerajaan British menjadi rakyat sebuah negara yang merdeka penuh. Perasaan itu berbeza.

Dalam dunia ini kita perlu identiti. Identiti daripada kad pengenalan, pasport yang secara rasmi dikeluarkan oleh kerajaan sesebuah negara. Jadi pasport itu menjadi simbol yang penting.

Pada masa itu ayah saya juga bercerita mengenai keadaan di NBD melalui surat. Beliau sibuk kerana menjadi

ahli jawatankuasa percetakan. Beliau menceritakan mereka sembahyang di masjid. Keadaan juga hujan ketika itu dan ia dianggap hujan rahmat.

Kami selaku penuntut di luar negeri ketika itu rasa bangga atas perubahan ini.

Perkembangan besar adalah sistem perhubungan atau sistem pengangkutan. Dahulu, untuk ke Daerah Belait jika dari Daerah Brunei dan Muara memakan masa setengah hari. Jambatan belum ada ketika itu, jalan raya hanya ada dari Seria hingga Anduki. Dari Anduki menuju ke Danau menggunakan jalan pantai. Keadaan tanah pantai juga perlu diambil kira. Tidak boleh keras dan tidak boleh lembut. Jika keadaan tanah tidak mengizinkan untuk bas, jadi mesti ditunggu hingga keadaan tanahnya sesuai. Dari Danau pula menggunakan feri menuju ke Kuala Tutong. Di Tutong baru ada jalan raya.

Perkembangan fizikal sudah ada sebelum tahun 1984. Melalui RKN pertama, negara dapat menambah jalan raya, sekolah-sekolah baharu dan sebagainya. Selepas kemerdekaan, kita

fokus kepada pendidikan, perkembangan sosial dan sebagainya. Banyak yang boleh dilihat selepas kemerdekaan antaranya perumahan-perumahan kepada rakyat melalui Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Selain itu, negara juga memikirkan hal ehwal pendidikan tinggi dengan mengadakan universiti. Sebelum itu anak tempatan agak terhad membuat pengajian di luar negeri.

Dengan tertubuhnya Universiti Brunei Darussalam, barulah ramai penduduk tempatan diberikan pengajaran tinggi. Lama-kelamaan ia telah berkembang hinggalah sekarang, negara sudah ada empat buah universiti.

Pembinaan jambatan seperti Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sekarang dapat direalisasikan. Ini kerana anak tempatan sudah ada yang berpendidikan tinggi jadi dapatlah *kitani* membuat jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara itu (Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin)”.



Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah
Yang Di-Pertua Persatuan PENJURU

“PADA tahun 1984, saya menjawat jawatan sebagai Pegawai Jururawat. Saya turut terlibat dalam perbarisan semasa Hari Kebangsaan yang pertama. Saya berasa seronok kerana dapat menyertainya ketika itu.

Saya mula bekerja pada 15 Julai 1975. Ketika itu ibu bapa saya tidak berapa menggalakkan saya menceburi bidang jururawat. Malah masyarakat ketika itu tidak menggalakkan anak-anak mereka menjadi jururawat. Bagi mereka, pekerjaan itu agak kotor. Ketika itu jururawat kebanyakannya terdiri dari orang Cina dari Sabah dan Sarawak.

School of Nursing bermula pada tahun 1954 dan pengambilan pelajar ketika itu juga

sangat *basic*. Sebahagian daripada mereka ada yang masih bersama saya pada Persatuan Penjuru. Hospital yang ada ketika itu ialah General Hospital.

Apabila adanya hospital baharu (kini Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha), kita juga memerlukan lebih ramai jururawat. Ketika itu yang ada hanyalah *midwifery*, *paediatric*, *psychiatry* dan lain-lain.

Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiyah telah dirasmikan pada 4 September 1986. Program kejururawatan telah dinaik taraf menjadi diploma. Perbidanan ketika itu masih lagi peringkat sijil. Program jururawat dan perbidanan ini sangat penting kerana dengannya barulah kita dapat memberikan *better care* kepada orang ramai.

Dengan pendidikan kejururawatan yang baik, kita dapat membaiki status kesihatan orang ramai. Misalnya, situasi COVID-19 mempunyai dinamik yang sangat berbeza. Jururawat juga perlu dilatih dengan cara berbeza mengikut dinamik yang ada, menggunakan *element of intensive care* dan sebagainya.

Terdapat beberapa perubahan yang berlaku antaranya pemakaian topi pada jururawat ditukar menggunakan tudung. Menjadi jururawat mesti mempunyai minat yang

mendalam dari hati.

Dari segi penjagaan kesihatan, rakyat Negara Brunei Darussalam sangat beruntung kerana perbelanjaan ditanggung oleh pihak kerajaan. Misalnya dialisis, ia memakan belanja berjuta ringgit.

Saya menjadi Pengetua Maktab Jururawat pada tahun 1997. Ketika ini saya sebagai Yang Di-Pertua Persatuan PENJURU. Saya bersyukur kerana diberikan usia dan kesempatan untuk melihat perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam bidang kejururawatan dan perbidanan di negara ini.

Saya gembira melihat ketika ini kerjaya jururawat sudah dikenali dan ibu bapa dalam masyarakat kita sangat menggalakkan anak-anak mereka menjadi jururawat. Stigma terhadap kerjaya jururawat sudah berubah. Tahap pendidikan jururawat dan bidan juga semakin meningkat dan bertambah baik. Bertambahnya pusat-pusat kesihatan, sememangnya kita perlu lebih banyak jururawat.

Penyertaan kaum lelaki yang mengikuti kerjaya jururawat juga semakin bertambah. Ketika ini kira-kira 30 ke

40 peratus jururawat adalah lelaki. Kita juga memerlukan kaum lelaki menyertai bidang kejururawatan. Dengan tenaga yang ada pada mereka, boleh mengendalikannya pesakit yang sememangnya mempunyai keadaan yang berbeza. Selain itu kita juga sudah ada seorang jururawat berkelulusan PhD, menunjukkan tahap pendidikan dalam bidang ini bertambah baik”.



Setia berbakti untuk negara

Oleh: Hestunawati Haji Abdul Karim, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
 Foto: Jabatan Penerangan

PEMBACAAN ikrar sebagai lafaz taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan saat yang dinanti-nantikan setiap kali berlangsungnya Perhimpunan Agung sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Bagi edisi khas kali ini, Pelita Brunei mengimbas semula kenangan beberapa orang anak tempatan yang pernah menjadi Pembaca Ikrar Utama di sepanjang berlangsungnya perhimpunan gilang-gemilang itu.

“Sangat berbangga dengan pencapaian mewakili rakyat Brunei untuk mengepal Pembaca Ikrar Utama pada Tahun 2000 ketika negara meraikan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-16. Ketika itu saya berusia 24 tahun dan pemilihan dibuat semasa menjadi Naib Yang Di-Pertua Pelajar Persatuan Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) dan lulus sesi *audition*. Tidak dinafikan perasaan gelisah muncul sebelum pembacaan dimulakan kerana takut tidak dapat mempersembahkan dengan baik. Namun perasaan itu dapat diatasi dengan menyatakan “buat yang terbaik demi negaraku Brunei Darussalam”. Perasaan ketika membaca sangat mencabar tetapi dengan izin Allah Subhanahu Wata’ala jua dapat dibaca dengan baik. Mengimbas kembali kenangan persiapan menjelang perhimpunan pada tahun itu, saya sentiasa menjaga kesihatan dengan bersenam secara konsisten di samping menjaga pemakanan dengan mengelakkan makanan berminyak, berlemak, pedas dan minum air kosong secukupnya. Bermula tahun 2015 hingga sekarang, saya diundang oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjadi juri *audition* Pembacaan Ikrar di samping menjadi jurulatih bacaan ikrar dan pembantu jurulatih perbarisan kumpulan Pembacaan Ikrar Hari Kebangsaan”.

Dr. Kharhan bin Haji Jait



“Terpilih sebagai pembaca ikrar pada tahun 2015 ketika berusia 33 tahun merupakan satu pengalaman yang tidak mungkin akan dilupakan dan ia merupakan satu pengalaman yang sangat berharga buat saya secara peribadi kerana ini merupakan sumbangan kecil saya untuk Negara Brunei Darussalam. Saya berasa sangat gembira dan berbangga kerana tersenarai menjadi Pembaca Ikrar Utama yang memimpin bacaan ikrar pada Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-31 itu di antara beratus ribu orang Brunei pada ketika itu. Mengenang semula persiapan pada masa itu, ia bermula sejak bulan Disember 2014 hinggalah sebelum berlangsungnya perhimpunan. Antara persiapan yang dibuat termasuklah dari segi fizikal / mental, latihan cara berkawad mahupun latihan lontaran suara. Pernah hampir kehilangan suara pada waktu pemilihan, tapi Alhamdulillah, mungkin sudah ditakdirkan rezeki daripada Allah bilamana suara saya pulih semula. Semua persiapan yang dibuat termasuk menjaga pemakanan adalah semata-mata untuk memastikan apa yang diikrarkan jelas kedengaran dan yang paling penting timbulnya perasaan semangat patriotik. Dengan adanya latihan selama beberapa bulan itulah yang menghasilkan satu semangat kemerdekaan bagi kami selaku pembaca ikrar. Semua itu dilakukan sebagai tanda bukti ketaatan dan kesetiaan serta kecintaan kepada tanah air sendiri. Bersyukur juga kerana terpilih ketika itu. Berbangga jadi anak Brunei”.

Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk

“Mengetuai pembaca ikrar pada tahun 2004 merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan memandangkan Sambutan Hari Kebangsaan ketika itu diadakan pada waktu malam. Ketika itu saya masih kuliah di Universiti Brunei Darussalam, maka pembahagian masa adalah penting yang mana latihan diadakan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya tidak menyangka terpilih untuk mengetuai pembaca ikrar, kerana pada awalnya saya hanya menemani dua rakan saya ketika itu. Rasa gementar setelah terpilih memang ada tetapi dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata’ala dan dengan sesi latihan yang telah dijalankan, segalanya telah dipermudahkan. Untuk menjaga lontaran vokal, saya ketika itu disarankan untuk membanyakkan minum air putih dan berehat”.


Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd. Said



Logo dan Tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 1985 - 2024

Oleh: Nurul Razidah Mohamad Roslan

 <p>Tema : Bersatu Padu Menghayati Konsep Negara Melayu Islam Beraja</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad</p>	 <p>Tema : Membangun Negara Tanggungjawab Bersama</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman</p>	 <p>Tema : Bersatu Ke arah Keamanan dan Kemajuan</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad</p>	 <p>Tema : Berdisiplin Cergas Berbudaya Negara Bahagia</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad</p>	 <p>Tema : Berdikari Meningkatkan Kemakmuran Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awangku Idris bin Pengiran Haji Tajuddin</p>	 <p>Tema : Perhubungan Berkesan Mengeratkan Perpaduan</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad</p>	 <p>Tema : Bersatu Padu Menegekalkan Ketahanan Nasional</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Gidi Zaman bin Guriman</p>
 <p>Tema : Menani Kedaulatan Tanahairku</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad</p>	 <p>Tema : Meneguhkan Kesejahteraan Tanahairku</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad</p>	 <p>Tema : Bangsa Cemerlang Tanahair Gemilang</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad</p>	 <p>Tema : Brunei Darussalam Tanahairku</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Esa bin Kula</p>	 <p>Tema : Pembangunan Masyarakat Matlamat Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Yamin bin Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin</p>	 <p>Tema : Kemajuan Ekonomi Teras Kesejahteraan</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Zamin bin Pengiran Mansor</p>	 <p>Tema : Membina Insan Yang Sempurna Dengan Pendidikan Bersepadu</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Tumbang bin Pengiran Haji Tuah</p>
 <p>Tema : Siap Siaga Ke Alaf Baru</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Soman bin Bakir</p>	 <p>Tema : Mengukuhkan Jati Diri Bangsa Di Alaf Baru</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Muhammad</p>	 <p>Tema : Maju Bangsaku Sejahtera Negaraku</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Muhammad</p>	 <p>Tema : Memperkasa Keupayaan Bangsa</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Omar Ali bin Pengiran Haji Mahari</p>	 <p>Tema : Bangsa Berilmu Negara Maju</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abu Bakar bin Mat Jerah</p>	 <p>Tema : Patriotisme Teras Keteguhan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Omar Ali bin Pengiran Haji Mahari</p>	 <p>Tema : Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Dayang Mazinawati binti Haji Majid</p>
 <p>Tema : Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Muhammad</p>	 <p>Tema : Iltizam Memperkasa Keupayaan Bangsa</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Muhammad</p>	 <p>Tema : Tunas Bangsa</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Haji Muhammad</p>	 <p>Tema : Kedewasaan Bernegara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Dayang Mazinawati binti Haji Abdul Majid</p>	 <p>Tema : Negaraku Brunei Darussalam</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Dayang Mazinawati binti Haji Abdul Majid</p>	 <p>Tema : Negaraku Brunei Darussalam</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Dayang Mazinawati binti Haji Abdul Majid</p>	 <p>Tema : Negaraku Brunei Darussalam</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Dayang Mazinawati binti Haji Abdul Majid</p>
 <p>Tema : Negaraku Brunei Darussalam</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Keeran bin Dato Paduka Janin</p>	 <p>Tema : Generasi Berwawasan</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Eddy Yong Tek Wei</p>	 <p>Tema : Generasi Berwawasan</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Ahmad</p>	 <p>Tema : Generasi Berwawasan</p> <p>Dikemaskini oleh : Yang Mulia Awang Abdul Azim bin Haji Ahad</p>	 <p>Tema : Menjayakan Wawasan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Haji Khaifulnawar bin Haji Ibrahim</p>	 <p>Tema : Menjayakan Wawasan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Haji Khaifulnawar bin Haji Ibrahim</p>	 <p>Tema : Menjayakan Wawasan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awang Haji Md. Abidin bin Haji Rashid</p>
 <p>Tema : Menjayakan Wawasan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Muhammad Abdul Aziz bin Haji Mohd. Ali</p>	 <p>Tema : Menjayakan Wawasan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Dayang Siti Kamillah binti Haji Mohd. Azrae</p>	 <p>Tema : Menjayakan Wawasan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Awangku Mohammad Hazeq bin Pengiran Abdul Aziz</p>	 <p>Tema : Menjayakan Wawasan Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Pengiran Muhammad Fakhruddin bin Pengiran Haji Hamdillah</p>	 <p>Tema : Bersatu Mencapai Cita Negara</p> <p>Rekaan : Yang Mulia Mohammad Faiz bin Haji Morshidi</p>		



BERSEKUTU
MENCAPAI
CITA NEGARA

*Warga Jabatan Penerangan Mengucapkan
Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke -*

40

BDCB LANCAR 3 PRODUK DUIT SYILING KENANG-KENANGAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Bersempena Memperingati Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melancarkan tiga jenis produk duit syiling kenang-kenangan. Duit syiling kenang-kenangan tersebut terdiri daripada Duit Syiling Emas; Duit Syiling Perak dan Duit Syiling Kupronikel. Perkara demikian dikongsikan

oleh Pengarah Eksekutif Pengurusan Mata Wang, BDCB, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud semasa Sidang Media bagi Pelancaran Duit Syiling Kenang-kenangan sempena Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-40 Negara Brunei Darussalam berlangsung di Bangunan Brunei Currency and Monetary Board (BCMB), Kompleks Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, baru-baru ini.

"Muka hadapan ketiga-tiga duit syiling ini memaparkan wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menggambarkan kehebatan pemimpin yang berwibawa dan perkasa," ujarnya.

Manakala jelasnya, reka bentuk muka belakang bagi duit syiling itu pula menggambarkan Taman Mahkota Jubli Emas bagi menggambarkan simbol keharmonian, ketenangan dan kedamaian iaitu di antara mercu tanda yang signifikan dan telah mengubah landskap Bandar Seri Begawan menjadi bandar moden, eksklusif di sekitar ibu kota yang menjadi tumpuan pengunjung tempatan dan pelancong asing.

Menurutnya, reka bentuk duit syiling kenang-kenangan itu telah direka oleh Pereka Bentuk dari Unit Seni Lukis, Reka Bentuk dan Fotografi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Abdul Ajihs bin Haji Terawih.

Dari segi komposisi tambahnya lagi, Duit Syiling Emas diperbuat daripada 999.9 emas, dengan berat 31.1 gram, Duit Syiling Perak diperbuat daripada 999 perak, dengan berat 31.1 gram dan Kupronikel, seberat 28 gram.

Pengiran Maslina seterusnya mengongsikan harga bagi setiap duit syiling tersebut iaitu Duit Syiling Emas, dengan nilai muka BND400,



PENGARAH Eksekutif Pengurusan Mata Wang, BDCB, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud semasa Sidang Media berkenaan.

dijual pada harga BND4,000, Duit Syiling Perak dengan nilai muka BND400 dijual dengan harga BND250 manakala Duit Syiling Kupronikel dengan nilai muka BND400 dijual pada harga BND100.

Beliau menambah, jualan bagi duit syiling kenang-kenangan tersebut akan mula dibuka kepada orang ramai bermula Selasa, 27 Februari 2024, dari pukul 8.30 hingga 11.30 pagi, dan sebelah petang dari pukul 2.00 hingga 4.30 petang manakala

Jumaat pula, dari pukul 8.30 hingga 11.00 pagi sahaja.

Duit syiling kenang-kenangan tersebut boleh didapati di BDCB Currency Gift Shop, Tingkat 1, Bangunan BCMB, Kompleks Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan. Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang BDCB <http://www.bdc.gov.bn> atau melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.



BRUNEI Darussalam Central Bank (BDCB) melancarkan tiga jenis produk duit syiling kenang-kenangan.

Pengeluaran Setem Tetap bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Jabatan Perkhidmatan Pos, Negara Brunei Darussalam mengeluarkan Produk Filateli iaitu Setem Tetap bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bagi memperingati hari bersejarah genap 40 Tahun Negara Brunei Darussalam menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan.

Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengeluarkan Setem Tetap Baharu 2024 bagi memperbaharui keluaran Setem-setem Tetap yang sedia ada pada masa sekarang dan masih lagi digunakan sejak tahun 2007.

Ini juga akan disusuli dengan pengeluaran Setem Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Brunei Darussalam

Ke-40, Tahun 2024 yang akan diumumkan kemudian.

Pada keluaran Setem Tetap kali ini, Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengeluarkan sebanyak sembilan nilai setem bersama sembilan warna. Nilai denominasi setem tersebut adalah 10 sen, 20 sen, 50 sen, BND1, BND2, BND5, BND10, BND50 dan BND100.

Nilai denominasi setem BND50 dan BND100 merupakan nilai setem yang tertinggi setakat ini dan yang pertama kali dikeluarkan dalam sejarah pengeluaran Setem Tetap Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Setem-setem Tetap tersebut memaparkan Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Jubli Emas baginda Menaiki Takhta pada 5 Oktober 2017.

Jabatan Perkhidmatan Pos juga mengeluarkan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dan sembilan keping setem. Produk-produk setem yang akan dijual adalah seperti berikut iaitu Pertama, Lembaran Setem Set Penuh yang bernombor dan bersiri serta tidak dipotong (*uncut*) mempunyai 45 (lima set penuh X 9 keping setem berharga) BND844; Kedua, Setem Set Penuh mempunyai sembilan keping setem berharga BND168.80.

Manakala Ketiga Sampul Surat Rasmi Hari Pertama berselem: a. Set A (BND4.25) : Sampul Surat Rasmi Hari Pertama 45 sen dan setem BND2, BND1, 50 sen, 20 sen dan 10 sen; b. Set B (BND15.45) : Sampul Surat Rasmi Hari Pertama 45 sen, dan setem BND5, BND10; c. Set C (BND19.25): Sampul Surat Rasmi Hari Pertama 45 sen, dan setem BND10, BND5, BND2, BND1, 50 sen, 20 sen dan 10 sen; d. Set D (BND169.25): Sampul Surat Rasmi Hari Pertama 45 sen, dan setem BND100, BND50, BND10, BND5, BND2, BND1, 50 sen, 20 sen dan 10 sen.

Penggemar-penggemar koleksi setem dan orang ramai kini boleh mendapatkan produk-produk setem dengan mengunjungi cawangan-cawangan pejabat pos yang berdekatan dari pukul 8.30 hingga 11.30 pagi. Untuk maklumat orang ramai, penjualan setem berkenaan tidak ada dibuat di Cawangan Pejabat Pos Lumapas.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pemasaran, Filatelik dan Perhubungan Awam menerusi talian +673 7291679 atau +673 2222191 atau melalui e-mel di brustamp@post.gov.bn.



JABATAN Perkhidmatan Pos mengeluarkan Produk Filateli iaitu Setem Tetap bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bagi memperingati hari bersejarah genap 40 Tahun Negara Brunei Darussalam menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan (atas, kiri dan bawah).



IHP Januari 2024 meningkat 0.1 peratus

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Januari 2024 meningkat pada kadar perlahan sebanyak 0.1 peratus berbanding Januari 2023.

Ini adalah didorong oleh kenaikan indeks makanan dan minuman ringan sebanyak 2.1 peratus.

Manakala, indeks bukan makanan pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.4 peratus.

Peningkatan tahun-ke-tahun bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya

disebabkan oleh kenaikan harga minuman ringan (10.9 peratus), khususnya minuman rendah gula yang sedia untuk diminum; dan harga susu, produk tenusu dan telur (4.5 peratus).

Di samping itu, penurunan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga pakaian dan kasut (4.5 peratus); dan harga perhubungan (3.1 peratus), khususnya penurunan harga perkhidmatan telefon dan telefaks.

Bagi perubahan bulan-ke-bulan,

IHP mencatatkan penurunan sebanyak 1.3 peratus berbanding Disember 2023, didorong oleh indeks bukan makanan sebanyak 1.6 peratus.

Manakala, indeks makanan dan minuman ringan pula mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus.

Penurunan indeks bukan makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga pengangkutan (5.2 peratus); dan rekreasi dan kebudayaan (2.3 peratus).


Manakala, peningkatan indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga ikan dan makanan laut (1.3 peratus); dan susu, produk tenusu dan telur (1.2 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan kepada maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: @statistics.jpes

جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيكس
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM



Laporan penuh IHP bagi Januari 2024 boleh didapati di laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

OPERASI PENGUAT KUASA UNDANG-UNDANG GIAT DILAKSANAKAN

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan dua operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 di mana menyasarkan di beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Operasi Kabat 23 / 2024 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan yang mana sasaran lokasi ialah kawasan perkampungan di Mukim Kilanas.

Pemeriksaan telah pun dilaksanakan terhadap tiga orang warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Ketiga-tiga warganegara asing

tersebut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu bekerja bukan majikan asal dan Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Sementara itu, Operasi Kabat 25 / 2024 pula dijalankan oleh Penguatkuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait yang mana sasaran lokasi ialah Projek Penambahan Rumah di Mukim Kuala Belait.

Pemeriksaan telah pun dilaksanakan terhadap tiga orang warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Dua orang daripada warganegara

asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu bertanggungjawab mengambil pekerja tanpa pengetahuan majikan asal.

Bagi maklumat berhubung dengan pesalah imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

JIPK semasa melaksanakan operasi penguat kuasa undang-undang.



134 MURID DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM AL-QURAN



PENGARAH Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku tamu khas mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah bagi majlis berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, para peserta khatam menadah tangan ketika doa dibacakan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Program Satu Minggu Satu Juzuk (1M1J) mula diperkenalkan di persekolahan agama pada tahun 2016 dengan tujuan untuk memantapkan lagi pembacaan Al-Quran murid-murid sekolah agama, di samping memupuk budaya membaca Al-Quran sebagai amalan harian. Program tersebut adalah merupakan antara usaha berterusan Jabatan Pengajian Islam dalam menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi melahirkan generasi tempatan yang celik Al-Quran. Sehubungan itu, seramai 134 murid yang mengikuti program tersebut telah berjaya mengkhatamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran dan diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran di Dewan Serbaguna Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop. Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu khas majlis,



Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar. Kemudian para peserta khatam membaca surah-surah lazim yang dimulai dari Surah Ad-Dhuha. Sementara itu, Doa Khatam dibacakan oleh Awang Mohd. Zakwan bin Haji Mohd. Ameerul

Asharaf dari Sekolah Agama Sayyidina Abu Bakar. Majlis diserikan lagi dengan Persembahan Dikir Marhaban oleh gabungan Guru-guru Agama Lelaki Kawasan Brunei II. Majlis juga menyaksikan penyampaian Sijil Khatam oleh

tetamu khas majlis kepada 65 murid lelaki dan 69 murid perempuan yang terdiri daripada kalangan murid Darjah III hingga Darjah VI. Bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Haji Mosliadi bin Haji Kamis bagi mengakhiri majlis.

NCCIBD terima lawatan Dewan Perniagaan dan Industri Kimitsu, Jepun



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin
Pg. Daudin

AHLI Exco dari Dewan Perniagaan dan Industri Kimitsu, Jepun semasa membuat lawatan ke NCCIBD yang berlangsung di D&T, Kampung Anggerek Desa.

(NCCIBD) yang berlangsung di Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa, di sini.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Naib Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Industri Kimitsu, Hiromitsu Kamiaraiso.

Manakala hadir mengalu-alukan delegasi berkenaan ialah Yang Dipertua NCCIBD, Awang Haji Abdul Saman; Setiausaha Agung NCCIBD, Awang Haji Abdul Halim bin Haji Saim serta Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif NCCIBD yang lain.

Atur cara dimulakan dengan sesi taklimat ringkas mengenai profil dan latar belakang NCCIBD yang disampaikan oleh Yang Dipertua NCCIBD, diikuti dengan tayangan video klip pendek mengenai peluang pelaburan di Negara Brunei Darussalam dalam bahasa Jepun.

Acara diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Setiausaha Agung NCCIBD dalam ucapannya berharap dengan lawatan tersebut, mereka akan mendapat respons positif daripada rakan perniagaan dari Jepun.

ANGGEREK DESA, Khamis, 22 Februari. - Seramai 21 Ahli Exco dari Dewan Perniagaan dan Industri Kimitsu, Jepun, pagi tadi melawat Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Brunei Darussalam



SESI taklimat ringkas mengenai profil dan latar belakang NCCIBD yang disampaikan oleh Yang Dipertua NCCIBD, Awang Haji Abdul Saman.



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Kedua dan Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 108 / 2010

Nama Penghutang : Nooreta binti Haji Umar (BYIC No.: 00-072394). **Alamat** - No. 22, Simpang 50, Kg. Padang, Bukit Udal, Tutong TD2341, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 108 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir. **Bila Kena Dibayar** - 19 Disember 2023. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
19 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 472 / 2012

Nama Penghutang : Han Lee Mei (BYIC No.: 30-108325). **Alamat** - No. 3, Simpang 527-20-17, Kg. Belimbing Subok, BD2712, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 472 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir. **Bila Kena Dibayar** - 8 Disember 2023. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
27 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 409 / 2010

Nama Penghutang : Masiah binti Masri (BYIC No.: 00-260681). **Alamat** - No. 1165, Kg. Padnunok, Jalan Kuala Abang Tutong TE1943, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 409 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir. **Bila Kena Dibayar** - 19 Disember 2023. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
19 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Kes No.
BCY / CP / 486 / 2015

Nama Penghutang : Zuryani binti Laba (BYIC No.: 00-273465). **Alamat** - No. 12, Simpang 37, Kg. Bukit Beruang, Tutong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 486 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 10%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama. **Bila Kena Dibayar** - 10 Januari 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
13 Januari 2024

Kes No.
BCY / CP / 189 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- **Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

Mohammad Hairul Hilmi bin Abd Kadir (01-079442)
- **Penghutang Penghakiman / Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Mohammad Hairul Hilmi bin Abd Kadir
No.12 D, Jeti 2, Jambatan 4, Kampung Sungai Bunga, BD3317, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
4 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
14 Februari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 November 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada **8 Mei 2024, jam 10.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan

di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2024, jam 10.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
14 Februari 2024

Kes No.
BCY / CP / 125 / 2023

Baiduri Finance Berhad
- **Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

Jairuni Bintiorney (00-267984)
- **Penghutang Penghakiman / Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Oktober 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Jairuni Binti Roney
No.1A, Block B, Simpang 791-29-13-18-5, STKRJ Kg. Sg. Buloh, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
9 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
6 Februari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 Oktober 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada **4 Mac 2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu

yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 Mac 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
6 Februari 2024

Kes No.
BCY / CP / 285 / 2023

Malayan Banking Berhad
- **Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

Mohammed Shajalal Nurul Islam (50-960854)
- **Penghutang Penghakiman / Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Oktober 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Mohammed Shajalal Nurul Islam
No.6A, 1st Floor, Sengkurong Jaya II Building, Sengkurong BG1121, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
23 Disember 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Februari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 25 Januari 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada **27 Mei 2024, jam 9.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak

lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Mei 2024, jam 9.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
13 Februari 2024

Kes No.
BCY / CP / 33 / 2021

BIBD AT-TAMWIL Berhad
- **Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

Muhammad Bakri bin Johari @ Bakir bin Johari (BYIC No. 00-114299)
- **Penghutang Penghakiman / Penentang**

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 22 Mei 2021 telah dibatalkan pada 27 Januari 2024.

Nama Penghutang :
Muhammad Bakri bin Johari @ Bakir bin Johari

Alamat Penghutang :
No. 9, Kg. Merangking, Ulu Belait KF3138, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
13 Februari 2024

Kes No.
BCY / CP / 431 / 2010

**Notis Mengenai Pembayaran
Dividen Terakhir**

Nama Penghutang : Salwa / Meawai Binti Haji Salleh (BYIC No.: 00-268391). **Alamat** - No. 8, Simpang 16, Jalan Kecil Tanjong Nangka, Sengkurong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 431 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir. **Bila Kena Dibayar** - 10 Januari 2024. **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Januari 2024

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

2 WARGA ASING DIHUKUM PENJARA, SEBAT AKIBAT MEROMPIK

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman terhadap dua defendan yang mengaku bersalah atas penglibatan mereka dalam sindiket samun berkumpulan.

Defendan, Mohd Saiful Rizal bin Sinen, 38 tahun, warganegara Malaysia, dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan 12 sebatan bagi kesemua tujuh pertuduhan.

Sementara itu, defendan, Sakriadi bin Saharuddin, 26 tahun, warganegara Indonesia dijatuhkan

hukuman penjara lapan tahun dan 12 sebatan bagi dua pertuduhan.

Defendan, Mohd Saiful Rizal menghadapi empat lagi pertuduhan rompakan berkumpulan dan satu pertuduhan rompakan berkumpulan bersenjata tajam.

Mahkamah Tinggi telah mendengar pernyataan fakta bahawa defendan, Mohd Saiful Rizal dalam kesemua tujuh kejadian antara 16 Julai hingga 7 Disember 2023 memainkan peranan sebagai pemandu untuk melarikan diri bersama rakan sejenayahnya ketika melakukan rompakan berkumpulan dalam tujuh kejadian keseluruhan di Daerah Tutong.

Sebagai sebahagian daripada modus operandi, beliau masuk ke negara ini secara sah melalui Pos Kawalan Kuala Lurah dan bertemu dengan rakan subahatnya di

lokasi yang diatur untuk memandu mereka ke rumah yang menjadi sasaran.

Rakan-rakan sejenayahnya kemudian melakukan rompakan sementara Mohd Saiful Rizal menunggu dalam kereta sebagai pemandu.

Defendan, Sakriadi menyertai dua aktiviti terakhir rompakan berkumpulan sebelum mereka ditangkap.

Penglibatannya sama seperti yang dituduh sebagai pemandu.

Sementara itu, tertuduh ketiga, Mohd Amin bin Zabadi telah dibicarakan atas salah satu pertuduhan rompakan berkumpulan yang didakwa bersama defendan, Mohd Saiful Rizal.

Ketiga-tiga lelaki yang dihadapkan ke mahkamah telah ditangkap dengan usaha bersama Pasukan Polis Diraja Brunei

(PPDB) dan Polis Diraja Malaysia. Sehingga kini, empat lagi masih bebas.

Daripada fakta yang didedahkan, tujuh buah rumah telah dimasuki dan perompak berjaya mencuri wang tunai yang dianggarkan berjumlah BND64,550.

Perompak berkenaan turut mencuri sejumlah besar barang kemas dan barangan peribadi daripada rumah-rumah sasaran.

Bagi semua pertuduhan, mangsa berasa dalam ketakutan dengan nyawa dan keselamatan mereka kerana ada yang ditahan manakala yang lain diacukan dengan pisau.

Dalam mitigasi, kedua-dua defendan menyatakan kekesalan dan merayu hukuman diringkaskan.

Dalam mempertimbangkan hukuman, Pesuruhjaya Kehakiman, Muhammad Faisal bin PDJLD DSP Haji Kefli menyatakan

bahawa tahap kes jenayah berkenaan tidak boleh dipandang ringan.

Mangsa telah dirompak pada waktu tengah malam. Keganasan yang ditimbulkan jelas kelihatan. Tidak ada kepastian dalam mendapat kembali barang rompakan berkenaan.

Kedua-dua defendan bukan sahaja sebagai pemandu ke rumah yang disasarkan, tetapi turut bersubahat membantu rakan subahat mereka meninggalkan negara ini secara haram.

Kesalahan rentas sempadan berkenaan memerlukan hukuman yang lebih tinggi.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Haji Kiprawi.

Kedua-dua defendan yang tidak diwakili peguam dalam rayuan masing-masing memohon agar hukuman diringkaskan.

HALUAN

Sektor Pengangkutan memudahkan cara pergerakan, dukung pelbagai aktiviti perekonomian

>> Muka 2

vii) Kadar peratus masyarakat menggunakan Perkhidmatan Awam dalam talian;

viii) Peratus pengurangan kadar pelepasan gas rumah hijau dari Sektor Pengangkutan;

ix) dan akhir sekali, kualiti perkhidmatan internet yang cemerlang.

Sektor Pengangkutan

Dalam Sektor Pengangkutan yang berperanan menghubungkan masyarakat dengan mudah cara pergerakan dan mendukung pelbagai aktiviti-aktiviti perekonomian, MTIC telah memberi tumpuan utama bagi merangka strategi dan projek-projek penambahbaikan untuk perkhidmatan pengangkutan awam. Ia memanglah menjadi hasrat yang ingin dicapai dalam menggubal dan merangka strategi yang akan diberikan nafas baharu yang lebih komprehensif terutama dalam penyediaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 12 dengan mengutamakan sistem kesalinghubungan yang cekap dan mudah diakses bagi memudahkan cara mobiliti setiap lapisan rakyat dan penduduk.

Bagi mencapai hasrat tersebut, pengemaskinian ke atas strategi-strategi dan objektif-objektif Pelan Induk Pengangkutan Darat, Pelan Tindakan termasuk 'Blueprint for Vision 2035 Sustainable and Inclusive Land Transportation System for Brunei Darussalam' telah diteliti semula supaya lebih berdaya maju (*viable*) dan memfokuskan kepada :

i) Meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian teras perkhidmatan bas awam;

ii) Penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan atas permintaan (*e-hailing*, berkongsi tumpangan dan teks); dan

iii) Sistem pengurusan pengangkutan pintar yang memanfaatkan teknologi iaitu melalui sistem pemantauan kenderaan dan maklumat penumpang.

Hasil dari pengemaskinian tersebut juga akan dijadikan sebagai asas bagi projek-projek Sistem Pengangkutan Awam di bawah RKN dengan berfokuskan kepada inisiatif teras yang meliputi enam keutamaan yang bertujuan untuk :

i) Meningkatkan ketersambungan (*connectivity*);

ii) Meningkatkan kebolehpercayaan (*reliability*);

iii) Melabur dalam infrastruktur;

iv) Memanfaatkan teknologi;

v) Mereformasi struktur industri; dan

vi) Mengawal selia pengangkutan awam.

Manakala bagi merangka strategi jangka panjang, satu kajian selidik mengenai pengangkutan bas awam juga telah pun dilaksanakan dengan kerjasama di antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dan juga pihak Universiti Teknologi Brunei (UTB) sejak 8 Disember 2023. Tujuan utama adalah untuk mendapatkan pendekatan

jangka panjang terhadap mobiliti, memahami lebih lanjut mengenai trend semasa dan arah tuju pemikiran strategik untuk masa depan. Pada masa yang sama untuk memahami perilaku perjalanan dan pilihan orang ramai dengan memfokuskan kepada ketersediaan (*availability*); kebolehcapaian (*accessibility*); Masa perjalanan dan menunggu bas serta persekitaran dari segi kualiti bus, keselamatan dan keselamatan. Hasil kajian selidik ini insyaaAllah akan dikongsikan dalam masa yang terdekat.

Pada masa yang sama, satu projek pendigitalan 'DriveBN' juga turut diusahakan yang merupakan pemangkin utama kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan JPD kepada orang ramai khususnya dalam menyepadukan pengurusan proses teras dan meningkatkan kecekapan operasi jabatan tersebut. Projek pendukung ini juga akan memacu perlaksanaan strategi-strategi JPD yang melibatkan beberapa aspek penting seperti proses-proses dan struktur organisasi, sistem dan tatacara bekerja serta budaya kerja dan menangani isu integriti.

Beralih kepada Keselamatan Jalan Raya, Pelan Strategik 2025 yang sedia ada telah pun disemak semula oleh Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR). Hasil dari pengemaskinian tersebut seterusnya menekankan pemantauan tiga Petunjuk Prestasi Utama (KPI) iaitu (i) Sifar kematian akibat kemalangan jalan raya menjelang 2025; (ii) Mengurangkan kadar kemalangan jalan raya sebanyak 50 peratus; dan (iii) Mengurangkan kadar kecederaan kemalangan jalan raya sebanyak 50 peratus. Bagi menyokong pencapaian KPI-KPI berkenaan, lima fokus utama telah pun digariskan :

i) Program kesedaran keselamatan jalan raya yang berterusan;

ii) Penambahbaikan kurikulum dan menitik-beratkan kualiti pembelajaran juga pemanduan bagi sekolah memandu;

iii) Mempertingkatkan kegiatan penguatkuasaan;

iv) Memperbaiki penggunaan pengumpulan data bersepadu; dan

v) Pelaksanaan audit keselamatan jalan raya.

MTIC juga berperanan sebagai pihak berkuasa bagi penyiasatan sebarang insiden dan kemalangan yang membabitkan pengangkutan darat merentas sempadan dan juga pengangkutan udara serta laut bagi memenuhi keperluan-keperluan pertumbuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Antarabangsa Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO). Pada masa ini, MTIC berusaha untuk meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai dengan mengikuti kursus-kursus dan latihan kecemasan dari segi kesiapsiagaan

kecemasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Secara ringkas, satu latihan kecemasan melalui Table Top Exercise (TTX) telah diadakan pada 16 Oktober 2023 yang lepas dan diikuti dengan Field Training Exercise (FTX) pada 18 Oktober 2023. Selain untuk meningkatkan kemahiran, latihan tersebut juga untuk menguji Prosedur Operasi Standard (SOP) dan memastikan kesiapsiagaan kecemasan di LTAB dari aspek penyiasatan kemalangan udara dengan kerjasama pihak Jabatan Penerbangan Awam dan juga agensi yang berkaitan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei khususnya Jabatan Siasatan Jenayah.

Sektor Infokomunikasi

Dari segi aspek infokomunikasi, pihak kementerian ini melalui pihak berkuasa bagi infokomunikasi telah berfungsi sebagai pemangkin ke arah pelancaran perkhidmatan 5G di negara ini. Dengan ketersediaan perkhidmatan 5G ini membuka peluang kepada pengguna untuk memanfaatkan kemampuannya dalam meningkatkan penggunaan Virtual Reality (VR), Augmented Reality (AR) dan Internet of Things (IOT) dalam memajukan Sektor-sektor Pengangkutan, Kesihatan, Pendidikan, Pertanian dan yang lain.

Langkah-langkah pengawalseliaan persaingan untuk Sektor Infokomunikasi juga diberi perhatian di mana AITI telah mengemukakan 'Market Review for New Competition Measures in Telecommunications Sector' dengan menyediakan peraturan Code of Practice dan Advisory Guidelines bagi penyedia-penyedia perkhidmatan telekomunikasi antaranya seperti Kod Amalan untuk Sektor Telekomunikasi (Telecommunications Code) dan Kod Amalan Undang-undang Persaingan dalam Sektor Telekomunikasi (Competition Law Code).

Bagi mencapai KPI di bawah Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh berkaitan dengan 'Top 40 United Nations (UN) E-Government Strategy Survey by 2025', EGNC telah pun mengeluarkan Digital Services Guidelines pada bulan September 2023 sebagai usaha untuk memastikan perkhidmatan digital, perkhidmatan digital mudah alih dan laman sesawang kerajaan mengikut rujukan piawaian amalan terbaik dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan digital yang mudah, lancar dan relevan.

Di samping itu, kita telah melihat bahawa kemajuan pesat teknologi telah membawa banyak manfaat tetapi ianya juga membuka ruang baharu untuk ancaman dan serangan siber. Berhubung dengan ini, Cyber Security Brunei (CSB) juga sedang giat melaksanakan keperluan-keperluan yang termaktub di dalam Perintah Keselamatan Siber, 2023.

Antaranya adalah untuk memastikan perlindungan infrastruktur maklumat kritikal (Critical Information Infrastructure - CII) yang memberikan perkhidmatan mustahak (*essential services*) di negara ini dan juga membantu membina kapasiti negara secara amnya (pembangunan *cybersecurity ecosystem*).

Bagi Sektor Perkhidmatan Pos pula, mulai 14 Mac 2023, pengawalseliaan sektor tersebut telah pun diserapkan ke AITI melalui penggabulan Perintah Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos, 2023. Dengan penyerapan ini, pengawalseliaan perlesenan bagi perkhidmatan pos telah disemak semula untuk menjadikan industri pos lebih efisien dan berdaya saing. Langkah ini jua, seiring dengan perkembangan teknologi serta kehendak pengguna, dan juga akan dapat mendukung pertumbuhan aktiviti ekonomi, khususnya dalam memenuhi perkembangan perniagaan dan transaksi secara dalam talian.

Usaha-usaha transformasi Organisasi Jabatan Perkhidmatan Pos sedang berjalan pada masa ini dan keutamaan adalah diberikan bagi memastikan sebarang transformasi dari segi kesejahteraan adalah terpelihara serta pengurusan sumber manusia, kewangan, aset-aset dan operasi dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Kesimpulan

MTIC akan sentiasa memastikan perancangan dan strategi termasuk dasar dan inisiatif terus diteliti bersama pihak-pihak berkepentingan supaya ia kekal relevan dengan visi MTIC untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Pintar Terhubung (Connected Smart Nation) seterusnya menyumbang kepada aspirasi-aspirasi dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Akhir sekali, peramba / kaola / saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini mencerminkan kesungguhan dan keikhlasan Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih-lebih lagi pucuk pimpinan tertinggi dalam memberikan komitmen dan keprihatinan demi manfaat dan kesejahteraan rakyat dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu sistem pengurusan dan perkhidmatan kerajaan.

Peramba / kaola / saya memohon maaf di atas sebarang kekurangan atau sorok langkah di Sesi Perjumpaan Muhibah ini. InsyaaAllah, pihak MTIC dengan hati terbuka akan menerima apa jua maklum balas atau sebarang pertanyaan serta cadangan-cadangan baik yang boleh kita sama-sama fikirkan bagi kebaikan rakyat dan negara bersama.

Sekian. *Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.*

PUIISI

Munajat di pekarangan Raudhah merista ristaan sejarah

Di antara MaqamMu Ya Rasulullah
Di antara MimbarMu Ya Nabiyyallah
Ku rafakkan tangan memohon doa
Ku angkat muka memanjatkan munajat
Ya Allah Yang Maha Berkuasa
Ya Allah Yang Maha Perkasa
Tujuh petala langit
Tujuh petala bumi
Setinggi angkasa dan cakerawala
Sedalam lautan seluruh pelosok bumi
Ku pohonkan ku doakan ku munajatkan
Di sini di taman Raudhah Yang penuh berkah
Yang diagungkan sebagai
Satu daripada taman-taman Syurga
Agar negara kami
Negara yang bernama Brunei Darussalam
Dari garis sempadan Sungai Tujuh
Hingga sampai ke hujung Sapuh
Akan tetap
Dalam peliharaan Allah
Dalam perlindungan Allah
Akan tetap selamat dan kuat
Teguh dan kukuh
Di bawah panji-panji lambang negara
Ad-dā'imūna al-muhsinūna bi-l-hudā
الدامون المحسنون بالهدى

Agar tetap sentiasa selamat sejahtera
Aman sentosa damai bahagia
Di bawah payung mahkota diraja
Di bawah firman Allah Subhanahu Wata'ala
تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلَكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
Di bawah pimpinan Raja Adil dan Taqwa
Yang titah Baginda dijunjung dan disanjung
Mendaulatkan negara menjulang ugama

Kini
Negara telah 40 tahun merdeka
Jasa dan bakti teruslah ditumpahkan
Dalam mengisi dan menegakkan kemerdekaan
Kenang-kenanglah orang-orang yang terdahulu dari kita
Yang terdiri dari para pahlawan
Pejuang-pejuang, perwira-perwira
Pelopor kemerdekaan
Jasa dan bakti mereka jangan sekali dilupakan

Mari kita renung dan kenang
Seorang negarawan diraja
Seorang raja pemerintah negara
Jasa dan perjuangannya
Sikap dan pegangan serta pemikiranNYA
Langkah dan pendirian serta keputusanNYA
Dalam memandu, memimpin dan mengatur
Hala tuju negara dan rakyat
Mengisi aspirasi dan inspirasi
Sehingga ke hari ini

Masih terasa dan terngiang-ngiang
Suara takbir kemerdekaan
Yang dilafazkan dan dilaungkanNYA

Maka
Di sambutan kali ini
Mari kita bertakbir lagi
Sebagai refleksi takbir yang dikumandangkan
40 tahun dahulu
Takbir berkat yang telah mengangkat negara kita
Sebagai negara berdarjat

Mari kita imbas lagi kenangan lama
Sebagai ristaan sejarah
Di sempena 40 tahun hari kebangsaan
Sebagai penguat semangat dan tekad
Bagi memperkasa mempertahankan negara
berdaulat

Dulu
Kita asalnya
Sebuah pulau besar seluruhnya
Satu tanah, satu daratan
Satu perairan, satu sempadan

Tiba-tiba kita dipisah-pisahkan
Dicerai-beraikan
Dek tamak haloba, dek tipu muslihat

Penjahat penipu, dan kunci-kunci mereka
Kononnya melindungi dari lanun
Tapi siapakah sebenarnya lanun
Mereka sebenarnya bertopengkan pelindung
keamanan
Penegak hukum dan keadilan

Tanah kita digaris-garis, diurih-urih
Disukat dan dibahagi-bahagi
Mengikut nafsu serakah dan selera gelojoh mereka
Lalu kita menjadi seperti yang ada
Yang dulunya sebesar sebuah pulau
Malah pernah menjangkau ke utara
Menggamit Manila
Menyelusur ke Selatan
Melimpasi Kalimantan
Melangkahi selat malah lautan

Renungkanlah dan kenangkanlah
Keserakahan dan kelicikan mereka
Memecahbelahkan dan memporak-perandakan
Kita dibiarkan
Putih tulang putih mata
Sehingga kita kehilangan tanah dan daratan
Batas sempadan kita di sasar
Diubah malah ditiadakan

Kemudian datang pula satu era
Satu ketika
Di mana kita hampir-hampir
Dijadikan sebagai satu wilayah
Hampir-hampir kita di bawah perintah
Di bawah naungan dan kuasa Yang
merupakan satu gagasan
Satu corak pemerintahan

Namun
Alhamdulillah, kita terselamat
Berkat pendirian dan pandangan sangat jauh
Seorang Raja, seorang Sultan
Seorang Negarawan Besar
Seorang pemimpin negara, seorang pemimpin
rakyat
Yang jiwa dan hatiNYA
Hanya untuk rakyatNYA
Tidak Baginda memikirkan kuasa
Tidak Baginda memikirkan harta
Tidak Baginda memikirkan kedudukanNYA
Di hatiNYA ialah rakyatNYA
Di fikiranNYA ialah Brunei DarussalamNYA Akan
jadi apa?
Jika diteruskan jua menyertai gagasan itu
Jika diakukan jua syarat dan aturannya

Benarlah pendirianNYA, Benarlah pandangan
jauhNYA
Benarlah peganganNYA, Benarlah firasatNYA
Benarlah keputusanNYA
Dan, jadilah kita sepertimana di hari ini
Punya identiti sendiri, punya nama dan pengenalan
sendiri
Punya itu dan ini sendiri

Inilah ertinya fadilat taqwa
Inilah ertinya manzilat iman
Inilah ertinya hasanat ihsan
Kita terselamat
Negara kita berdaulat
Kita rakyat berkat berdarjat
Kita rakyat taufik dan hidayat

Maka sempena 40 Tahun Merdeka ini
Kenang-kenangkanlah
Pegang erat-erat sumpah dan janji
Jangan berbelah bahagi kasih dan taat
Jangan terpicat dengan tipu muslihat
Jangan terperangkap dengan umpan dan jerat

Janganlah lagi bertanya-tanya apa mau dibuat
Wawasan 2035 punya hala tuju yang telah
tersurat
Begitulah juga apa-apa yang tersirat

Labbaikallahumma labbaik, labbaika la syarika laka

KHATAM AL-QURAN SERIKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN HK NBD



NAIB Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; dan Pesuruhjaya Antarabangsa, PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 2024 (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Jumaat, 23 Februari.
- Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 bagi Tahun 2024 bertempat di Ibu Pejabat PPPBD, Anggerek Desa.

Majlis merupakan salah satu daripada kegiatan keagamaan tahunan persatuan dan sebahagian daripada rangkaian kegiatan di bawah projek berpanjangan persatuan Projek Pencinta Kalam Allah yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40 dengan kegiatan-kegiatan keagamaan dan bermanfaat.

Di samping itu, ia juga untuk memupuk budaya membaca, memahami dan mendalami Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan sekali gus mendidik ahli-ahli daripada aspek kerohanian serta mendekatkan diri kepada Al-Quran yang merupakan panduan hidup yang lengkap juga mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan memupuk perasaan muhibah dalam kalangan ahli persatuan.

Sebanyak dua kumpulan pembaca yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin-pemimpin Dewasa, Pemimpin-pemimpin Muda, Pandu

Puteri Ranjer dan Pandu Puteri telah menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua 30 juzuk Al-Quran bagi kumpulan masing-masing.

Hadir pada majlis berkenaan, Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; dan Pesuruhjaya Antarabangsa, PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Turut hadir, ahli-ahli persatuan yang terlibat dalam Projek Pencinta Kalam Allah yang telah melengkapkan bacaan 30 juzuk Al-Quran setiap seorang.

Antara pengisian majlis ialah Solat Fardu Asar Berjemaah, bacaan Doa Kesyukuran dan Doa HK sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40 serta bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD yang diimamkan dan dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sementara itu, bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran pula dibacakan oleh Pemimpin-pemimpin Muda PPPBD.

Selain kegiatan-kegiatan perkembangan kemahiran, kemasyarakatan dan kebudayaan, PPPBD turut aktif dalam mengukuhkan kegiatan-kegiatan yang bersifat kerohanian dan keagamaan yang melibatkan penyertaan ahli-ahli daripada semua peringkat.



MEMPERINGATI PERJALANAN NEGARA MENCAPAI KEMAJUAN



PENGURUS Besar Print Plus Sdn. Bhd., Awang Md. Reeda bin Haji Malik semasa memberi penerangan kepada para media yang hadir di Lobi 10, Print Plus Sdn. Bhd. (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. – Print Plus Sendirian Berhad melalui Kempen 'HK 40 - A Commemoration for the Nation' hari ini mengongsikan rangkaian produk peringatan yang bakal mereka keluarkan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun.

Kempen yang telah pun dilancarkan pada 4 Februari lepas dimulakan dengan *teaser* 'Faces of Brunei: Kisah Bangsa'. Penerbitan ini memberikan penghormatan kepada individu berpengaruh yang




telah membentuk kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD) selama empat dekad.

"Print Plus Sdn. Bhd. berbangga kerana dapat melancarkan kempen yang bertepatan dengan Hari Kebangsaan (HK 40). Ia adalah peluang untuk memperingati perjalanan negara kita melalui penerbitan yang bergema dengan setiap warga NBD.

"Kami sangat menantikan cerita dalam 'Wajah Brunei' untuk memberi inspirasi kepada generasi akan datang," jelas Pengurus Besar Print Plus Sdn. Bhd., Awang Md. Reeda bin Haji Malik dalam Sidang Media bertempat di Lobi 10, Print Plus Sdn. Bhd., di sini.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dijemput untuk menyertai sambutan tersebut dengan mencalonkan individu yang telah memberikan sumbangan besar

PRODUK peringatan yang bakal dikeluarkan oleh Print Plus Sendirian Berhad bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun.



Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

kepada perjalanan / perkembangan NBD semenjak tahun 1984 lagi. Mereka ini boleh menjadi pemimpin dalam pelbagai bidang, sama ada dalam masyarakat, seni dan budaya, ekonomi mahupun inovasi. Pencalonan ini terhangat Awang Md. Reeda, akan menyumbang kepada penciptaan buku peringatan dan pencalonan dibukakan sehingga 22 Mac 2024. Dalam pada itu, orang ramai juga akan berpeluang memenangi baucar BND300 dari Digital World apabila mereka mencalonkan wira mereka. Pencalonan boleh dibuat melalui borang dalam talian <https://hk40.printplus.com.bn/nomination-form/>.

Di samping buku, kempen tersebut juga dengan bangganya mempersembahkan koleksi *commemorative medallions*,

setiap satunya ditempa untuk menandakan peristiwa penting dalam perjalanan negara kita. Ia dihasilkan dalam kuantiti yang sangat terhad dan hanya boleh dibeli secara prapesanan.

Selain itu, Mushaf Berukuran A3 menawarkan pengalaman membaca yang khuyuk dan satu siri buku agama yang mencerminkan warisan rohani dan gaya hidup penduduk tempatan juga akan dikeluarkan.

Bagi orang awam yang berminat untuk membelinya, butiran lanjut mengenai harga, prapesanan dan tarikh keluaran akan diumumkan tidak lama lagi. Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen 'HK 40 - A Commemoration for the Nation', bolehlah melayari <https://hk40.printplus.com.bn>.

30 Ahli Platun Bulan Sabit Merah UNISSA terima sijil



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Rabu, 21 Februari. - Seramai 30 Ahli Platun Bulan Sabit Merah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima sijil mengikut kategori masing-masing pada acara yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para penerima ialah Setiausaha Agung Persatuan

Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC), Ir. Simon K.A. Leong.

Majlis antara lain bertujuan untuk merayakan dua orang ahli mantan Platun Bulan Sabit Merah UNISSA iaitu Awangku Muhammad Arshrul Wa'ie bin Pengiran Amirulzam dan Awang Muhammad Amir Faiq bin Haji Amir Hisham.

Mereka telah dianugerahkan dengan Sijil Kecemerlangan atas

SETIAUSAHA Agung Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam Ir. Simon K.A. Leong menyampaikan sijil kepada para penerima (kiri dan kanan).

dedikasi yang sangat cemerlang, aktif dalam beberapa acara dan majlis pada peringkat universiti dan kebangsaan serta sumbangan dan bantuan yang berharga dalam pengurusan hal ehwal platun sepanjang perkhidmatan mereka sebagai Komandan dan Penolong Komandan Platun Bulan Sabit Merah UNISSA dari tahun 2022 hingga 2023.

Majlis juga menyaksikan penyampaian Sijil Keahlian kepada 20 ahli platun pengambilan baharu semester Ogos 2023 yang telah menyelesaikan dan lulus penilaian mereka dalam Kursus Pertolongan Cemas Asas.

Sementara itu, enam ahli platun juga menerima Sijil Penghargaan iaitu bagi meneruskan perkhidmatan mereka selama satu tahun lagi sejak kemasukan mereka pada bulan Ogos 2022.

Kedua-dua Sijil Kecemerlangan dan Sijil Penghargaan merupakan



satu jenis pengiktirafan kepada mahasiswa UNISSA yang bukan sahaja aktif dalam pergerakan kemanusiaan menerusi Platun Bulan Sabit Merah tetapi juga keupayaan mereka bagi mengimbangi aktiviti badan beruniform dan pengajian akademik mereka.

Majlis terdahulu mendengarkan ucapan daripada Ketua Pasukan Bulan Sabit Merah UNISSA 2023 / 2024, Awang Muhammad Shafiq bin Iskandar, diikuti dengan tayangan video.

Acara juga menyaksikan pembacaan ikrar taat setia oleh

Ahli-ahli Platun Bulan Sabit Merah UNISSA sebagai satu tujuan untuk menanamkan nilai-nilai tulen yang berasaskan Tujuh Prinsip Palang Merah dan Bulan Sabit Merah serta membentuk disiplin dalam kalangan pelajar, menumbuhkan semangat patriotik dan kesediaan untuk berkorban demi agama, bangsa dan negara dalam diri pelajar.

Juga hadir pada majlis tersebut, Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Supri bin Haji Sudin dan pegawai-pegawai dari pusat tersebut berserta jempunan khas dari BRC.

FORUM BELIA MUDAHKAN PARA PELAJAR BERINTERAKSI BENTUK IDEA, KEPAKARAN



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

TUTONG, Rabu, 21 Februari. Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) mengadakan sebuah Forum Belia dengan membincangkan tajuk 'Youth Forum : Youth Led Initiative For Sustainable Development Goals'.



Forum telah berlangsung di Dewan Al-Rayyan, Kampus UNISSA Sinaut, Tutong bersempena dengan program Halal Science Week.

Forum ini dikendalikan oleh Awang Nazirul Hadi bin Haji Alladin sebagai moderator, yang juga merupakan Pengerusi HTSS 2023 / 2024, dan tiga ahli panel jemputan daripada institusi pengajian tinggi iaitu Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA 2023 / 2024, Awang Firdaus bin Sait; Vice President, Laksamana College Of Business (LCB) Student Council

FORUM dikendalikan oleh Awang Nazirul Hadi bin Haji Alladin sebagai moderator, yang juga merupakan Pengerusi HTSS 2023/2024, dan tiga ahli panel jemputan daripada institusi pengajian tinggi.

2023 / 2023, Awang Muhammad Syahmi Kamal bin Muhammad Abdullah dan Yang Di-Pertua, Majlis Perwakilan Pelajar 2023 / 2024 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Hadi Nasrullah bin Muhammad Ashraf.

Seramai 128 mahasiswa dan mahasiswi hadir bagi sama-sama memeriahkan acara tersebut yang terdiri daripada pelbagai institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta seperti UNISSA, UBD, KUPU SB, Politeknik Brunei dan LCB.

Tujuan utama program ini adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia mengenai SDG, yang juga dikenali sebagai Matlamat Pembangunan Mampan. Selain itu, forum ini menggalakkan pertukaran idea, sumber, dan amalan terbaik untuk menangani cabaran kelestarian dan memajukan kemajuan

ke arah SDG. Forum ini memberikan peluang kepada golongan muda untuk turut serta secara aktif dalam proses pembuatan keputusan yang berkaitan dengan SDG, dengan harapan membina rasa tanggungjawab dalam kalangan belia untuk mencapai matlamat ini.

Objektif program ini juga bertujuan untuk mempererat hubungan yang positif antara UNISSA dengan institusi-institusi tinggi lain di samping memberi manfaat kepada jemputan yang hadir. Selain itu, ia juga diharap dengan adanya program ilmiah seperti ini akan dapat terus membimbing dan menggalakkan para mahasiswa dan mahasiswi dari semua institut pengajian tinggi di negara ini bagi sama-sama berkolaborasi dalam usaha mereka dalam memikirkan bukan sahaja masalah-masalah yang dihadapi masyarakat namun juga usaha-usaha yang membentuk solusi baginya.

Di mana dengan adanya pengendalian forum-forum seperti ini boleh memudahkan para pelajar berinteraksi dan berkumpul bagi membentuk idea-idea mereka bersama dengan mudah dan juga sama-sama mengasuh kepakaran mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan.

Program bimbing generasi belia berwawasan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

TUTONG, Rabu, 21 Februari. 26 Februari 2024. Antara yang hadir semasa pelancarannya, Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim bersama beberapa tenaga akademik, kakitangan dan pelajar di kampus tersebut. Tujuan utama program adalah merupakan salah satu usaha bagi sama-sama menyokong usaha



PENGARAH Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim hadir pada majlis pelancaran berkenaan.

UNISSA dan Negara Brunei Darussalam (NBD) terhadap Matlamat Pembangunan Mampan atau dikenali sebagai Sustainable Development Goals (SDG) memfokuskan kepada SDG 1 : No Poverty, SDG 2 : Zero Hunger, SDG 3 : Good Health and Well Being, SDG 4 : Quality Education dan SDG 12 : Responsible Consumption and Production.

Di antara perisian HaSWeek ialah pengendalian beberapa program di dalam dan di luar Kampus Sinaut, UNISSA iaitu Program Riadah Hari 10,000 Langkah, Projek 'Thrift', Halal Industrial Food Management

MAJLIS Pelancaran bagi HaSWeek bertempat di Kampus Sinaut, UNISSA akan berlangsung selama satu minggu mulai dari 18 Februari lalu hingga 26 Februari 2024.



Demonstration, Youth Forum : Youth Led Initiative for Sustainable Development Goals, Bengkel Soap Making, dan akan diakhiri dengan aktiviti perkhemahan 'Halal Science Camp' bertempat di Bintudoh Greenspring Resort, Kampung Lamunin.

Perkhemahan juga dianjurkan bersempena dengan Semarak Hari Kebangsaan Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.

Objektif program bertujuan untuk membimbing dan melahirkan generasi belia berwawasan yang berfikir kritis serta berdaya tahan dan mampu menerajui ke arah masa hadapan sehingga dapat mencapai visi dan misi negara.

Selain daripada itu, ia dapat menyuntik semangat para belia untuk bergiat aktif dalam mengikuti segala aktiviti pembangunan belia seperti kepimpinan, kesukarelawanan, keagamaan dan juga sukan.



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Setelah empat dekad dari tarikh bersejarah 1 Januari 1984, kita bersyukur masih dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan menikmati kelangsungan hidup yang aman dan damai. Sebagai imbasan, keunikan yang akan kekal menjadi sejarah dan ristaan sepanjang zaman ialah detik Pemasyhuran Kemerdekaan dengan mengumandangkan kalimah 'Allahuakbar'.

Tarikh kemerdekaan itu menjadi lebih bermakna apabila di dalam pemasyhuran itu ditegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam akan terus kekal untuk selamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Ini jelas menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam sangat memberi perhatian kepada kepentingan agama Islam dan kehidupan beragama dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sebagaimana yang kita maklum, tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini ialah 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Tema ini memberikan pandangan menyeluruh tentang semangat kebangsaan, kemerdekaan dan aspirasi pembangunan negara. Pencapaian dan perkembangan selama bertahun-tahun sebelumnya menciptakan landasan untuk harapan dan komitmen masa hadapan. Nilai dan amalan orang Brunei yang diwarisi insyaaAllah akan menjamin kelangsungan hidup beraja, bernegara dan bermasyarakat menuju *Baldatun Thayyibatun Warrabun Ghafur* (negara yang aman makmur dan Tuhan Maha Pengampun). Orang Brunei bersatu padu menghadapi pelbagai cabaran sepanjang sejarah, mencerminkan semangat patriotisme, ketahanan dan tekad untuk menjaga kedaulatan, keamanan, kesejahteraan dan keutuhan negara serta bangsa.

Tema ini mengingatkan betapa pentingnya kerjasama dengan pendekatan seluruh negara (Whole of Nation Approach) untuk kemajuan negara dan keselamatan dunia dan akhirat. InsyaaAllah, kemerdekaan dan kedaulatan negara MIB akan sentiasa terpelihara.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Bersatu Mencapai Cita Negara

Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan yang penting dan berterusan dalam memelihara kesucian agama Islam di negara ini. Kesedaran hidup beragama akan terus dipupuk dan setiap rakyat serta penduduk di negara ini akan diberi kefahaman tentang Islam dari segi akidah dan syariahnya. Masyarakat Islam di negara ini akan terus dipelihara terutama dalam membentengi mereka dari sebarang pengaruh yang melalaikan dan merosakkan akidah.

Ke arah ini pelbagai langkah telah pun dibuat, antaranya ialah aspirasi untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir. Kesedaran terhadap pentingnya ingatan dan ikatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta ditambah dengan adanya sikap positif yang menginginkan keamanan, keselamatan dan keharmonian bermasyarakat akan membantu ke arah mencapai cita-cita negara dan bangsa dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita imbas kembali detik peristiwa yang amat bersejarah bagi negara kita ini. Malam menjelang tanggal 1 Januari 1984, berkumandangnya zikir-zikir yang didahulukan dengan bacaan Basmalah, tahmid, Hamdalah, selawat dan salam serta Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Kemerdekaan di masjid-masjid seluruh negara.

Manakala detik tengah malam berlangsunglah Pemasyhuran Kemerdekaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta laungan takbir Allahuakbar sebanyak tiga kali yang dilayangkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, diikuti pula oleh laungan seluruh rakyat memuji kebesaran Ilahi. Dengan berkumandangnya laungan takbir yang menjadi simbol kemenangan umat Islam tersebut maka lahirlah Negara Brunei Darussalam dengan nikmat kemerdekaan yang benar-benar dapat dirasakan oleh seluruh rakyat dan penduduk negara hingga ke hari ini.

Alhamdulillah, negara kita lahir dalam menepa kemerdekaan telah diiringi dengan laungan takbir memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah dan rahmat-Nya serta memohon keberkatan dan petunjuk dalam menerajui pentadbiran negara. Apa yang kita harapkan semoga negara kita mampu bersaing dengan negara lain dalam aspek kemajuan dan pembangunan, mampu menghadapi cabaran

arus globalisasi yang semakin mencabar dengan mempertingkatkan lagi nilai-nilai ajaran Islam dalam kehidupan dan pentadbiran serta mengekalkan keharmonian yang sedang kita semua kecapi sekarang ini.

Lahirnya kemerdekaan negara kita dengan zikir melambangkan sebuah negara yang berimejkan negara yang menjulang Islam. Zikir yang beransur-puji-pujian dan rasa ketakwaan dalam sentiasa mengingati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala, maka nikmat kerahmatan serta keberkatanlah yang akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara yang kita cintai ini. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 :

Tafsirnya : "Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan maksiat)".

Sebagai sebuah negara MIB bukan hanya termaktub dalam perlembagaan semata-mata tetapi hendaklah diaplikasikan dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Maka salah satu cara mengaplikasikan Islam itu ialah dengan amalan berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Laungan zikir yang bergema pada Hari Kemerdekaan hendaklah terus diamalkan pada hari-hari mendatang dan dipahat dalam apa jua bentuk perancangan dan tindakan.

Zikir boleh menjadi sahsiah ataupun peribadi seseorang, orang yang sentiasa mengamalkan zikir akan terhindar daripada sifat lalai daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Zikir ibarat bahtera penyelamat bagi seseorang daripada terus hanyut dalam arus kehancuran akibat anasiran-anasir luar. Hati orang yang berzikir akan berasa tenang tanpa ditimpa ketegangan jiwa dan kemelut batin yang mudah disarangi dengan penyakit-penyakit hati, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 :

Tafsirnya : "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingati Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".

Manakala penerapan zikir melalui ibadah sembahyang merupakan cara yang paling sempurna untuk mengingati Allah dan akan mencegah seseorang daripada berbuat kejahatan dan maksiat. Ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45 :

Tafsirnya : "Bacalah

(wahai Nabi Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu daripada Al-Quran dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (manfaat dan kesannya) dan Allah Mengetahui apa yang kamu perbuat".

Hubungan hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan terputus dengan adanya hati yang dekat kepada-Nya melalui zikir sebagai alat penghubungnya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abu Musa Radiallahuanhu, Baginda bersabda yang bermaksud : "Perumpamaan orang yang berzikir kepada Allah dengan orang yang tidak berzikir kepada Allah seperti orang hidup dengan orang mati".

Alangkah jauhnya perbezaan antara orang yang berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan orang yang enggan melakukannya. Perbezaan itu sampai kepada perbezaan antara orang hidup dengan orang mati, orang yang berzikir adalah hidup, sedangkan orang yang tidak berzikir adalah mati.

Untuk mencapai kejayaan dan keberhasilan dalam mendapatkan apa yang kita usahakan, maka janganlah kita lupa daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan sentiasa menanamkan keimanan dan ketakwaan di hati dan jiwa raga kita dengan amalan zikir dalam setiap amalan ibadah dan perbuatan yang kita lakukan. Kita juga hendaklah sentiasa bersyukur dan mengerjakan amal bakti yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan demikian Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan apa yang kita hajati.

Zikir adalah sebagai senjata yang paling unggul kerana dengan mengamalkannya kita akan sentiasa dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan keberkatan dan rahmat dalam sentiasa mengingati-Nya, maka akan terpeliharalah negara dari sebarang anasir yang ingin menggugat keamanan dan kesejahteraan negara.

Tafsirnya : "Dan kalaulah penduduk sesebuah negara itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (Rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan". (Surah Al-A'raf, ayat 96)

HUBUNGAN hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan terputus dengan adanya hati yang dekat kepada-Nya melalui zikir sebagai alat penghubungnya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abu Musa Radiallahuanhu, Baginda bersabda yang bermaksud : "Perumpamaan orang yang berzikir kepada Allah dengan orang yang tidak berzikir kepada Allah seperti orang hidup dengan orang mati".

Alangkah jauhnya perbezaan antara orang yang berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan orang yang enggan melakukannya. Perbezaan itu sampai kepada perbezaan antara orang hidup dengan orang mati, orang yang berzikir adalah hidup, sedangkan orang yang tidak berzikir adalah mati.

BENGKEL KONGSIKAN PERSIAPAN CV, TIP TEMU DUGA



PARA peserta yang menyertai bengkel semasa sesi bergambar ramai.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) mengadakan Bengkel Kerjaya : Persiapan CV dan Temu Duga yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA Gadong, hari ini.

Seramai 45 peserta terdiri daripada alumni, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA mengikuti taklimat tersebut.

Bengkel Kerjaya ini dimulakan dengan sesi Bengkel CV yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Manpower Planning and Employment Council (MPEC), JobCentre Brunei, Awang Haji Abdul Azim bin Haji

Salleh antara lain mengongsikan beberapa maklumat yang relevan untuk dimasukkan ke dalam CV dan memberikan tunjuk ajar contoh CV yang betul dan salah secara terperinci.

Sesi Bengkel CV diakhiri dengan sesi soal jawab daripada para peserta dan aktiviti menguji kefahaman peserta.

Sesi Bengkel Temu Duga pula disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, MPEC, JobCentre Brunei, Awang Mohd. Khairul Hasbullah bin Haji Anuar.

Sesi ini diisi dengan perkongsian beberapa tip-tip sebelum, semasa dan selepas menghadiri temu duga.

Para peserta kemudiannya

diberikan peluang untuk mengajukan soalan dan diberikan aktiviti bagaimana menjawab beberapa soalan lazim di dalam temu duga.

Bengkel Persiapan CV dan Temu Duga diakhiri dengan temu duga olok-olok, dan seterusnya diberikan beberapa maklum balas mengenai mereka daripada pihak MPEC, JobCentre Brunei.

Antara tujuan bengkel ini ialah untuk memberikan tunjuk ajar dalam menghasilkan CV yang efektif dan membantu meningkatkan kemahiran menjawab soalan temu duga.

Bengkel kerjaya ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada para peserta bengkel agar lebih bersemangat dalam membuat persiapan CV dan temu duga dengan jayanya.

Norwegian Jewel bawa pelancong tiba di NBD



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

MUARA, Khamis, 22 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang mencipta momentum dalam pelancongan pelayaran, mencapai satu lagi kejayaan besar dengan ketibaan kapal pelayaran kedua tahun ini iaitu Norwegian Jewel.

Ini mempamerkan komitmen negara untuk menjadi destinasi teratas dalam peta pelayaran global, terutamanya selepas kebangkitan semula pelancongan pelayaran tahun lepas.

Norwegian Jewel belayar dari

Phu My, Viet Nam, dan berlabuh di NBD dengan membawa seramai 2,101 penumpang dan 1,027 anak kapal.

Pengunjung berpeluang meneroka Pakej Pelancongan yang terpilih, merakamkan mercu tanda terkenal seperti Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Istana Nurul Iman dan Kampong Ayer.

Sepanjang penginapan singkat di negara ini, mereka turut berpeluang menikmati pelbagai

KETIBAAN kapal pelayaran kedua tahun ini iaitu Norwegian Jewel dengan membawa seramai 2,101 penumpang dan 1,027 anak kapal (kiri dan bawah kanan).

juadah dan minuman tempatan serta membeli cenderahati tradisional NBD.

Menurut Shelly dari State of Montana, Amerika Syarikat (AS), beliau menyifatkan lawatan pertamanya ke Negara Brunei Darussalam sebagai satu pengalaman yang menarik. Dia menyertai lawatan ke paya bakau, di mana dia dapat memerhati monyet Bangkatan (Proboscis) dari dekat sebelum melawat Kampong Ayer.

Semasa lawatannya ke Kampong Ayer pula, beliau disambut mesra oleh kanak-kanak tempatan dan dapat menyaksikan mereka bermain permainan tradisional.

Sementara itu, Gayle dari Florida, AS, adalah antara peserta awal lawatan tersebut, beliau berkesempatan melawat Istana Nurul Iman, Kampong Ayer dan

Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Jangan Menggunakan Telefon Bimbit Semasa Memandu

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

www.mkkjr.gov.bn



tapak-tapak menarik lain. Beliau menyatakan hasratnya untuk kembali mengadakan lawatan ke NBD pada masa hadapan.

Christopher Lawson dari United Kingdom sebelum ini membuat lawatan ke NBD pada tahun 1963 dan 1993, kembali melawat sekitar bandar untuk menyaksikan perkembangannya selama ini dan juga menikmati alam sekitar.

Tambahnya, beliau akan kembali ke negara ini dalam masa terdekat.

NBD menerima ketibaan empat kapal pelayaran tahun ini yang mana kapal seterusnya, Crystal Symphony dijadualkan tiba pada 10 Mac 2024, menonjolkan daya tarikan negara sebagai destinasi baharu muncul dalam dunia pelancongan pelayaran.



Semangat kemerdekaan

Oleh : Ubaidah Al-Jarrah
 Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif,
 Bahagian Pelita Brunei

Di sebuah kampung yang amai damai, hidup dua sahabat karib, Aiman dan Haziq. Keduanya telah berkawan sejak zaman sekolah rendah dan terus menjaga persahabatan mereka hingga ke hari ini. Apabila Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam semakin hampir, semangat patriotisme berkobar dalam dada Aiman dan Haziq.

Sebagai bentuk penghargaan kepada tanah air tercinta, Aiman dan Haziq telah merancang untuk menyertai pelbagai acara sempena Sambutan Hari Kebangsaan. Mereka ingin membuat sesuatu yang istimewa untuk menunjukkan cinta dan kesetiaan mereka kepada negara.

Pada suatu petang, Aiman berkata kepada Haziq, "Haziq, Hari Kebangsaan semakin hampir. Apa kata kita membuat sesuatu bersempena dengan Hari Kebangsaan ini dengan mengadakan pertandingan merentas desa dan acara-acara keraihan yang lain di kampung kita?"

Haziq tersenyum, "Bagus juga idea itu, Aiman. Kita boleh membentuk pasukan dan menunjukkan semangat keterlibatan kita dalam kegiatan fizikal. Mari kita galakkan saudara-saudara kita di kampung untuk turut serta."

Setelah berbincang dan memperoleh sokongan penduduk kampung, Aiman dan Haziq membentuk pasukan merentas desa yang terdiri daripada pemuda-pemuda kampung yang penuh semangat. Mereka pun mula berlatih setiap petang, menempuhi cabaran fizikal dan mental, bersedia untuk menyertai pertandingan pada Hari Kebangsaan.

Sementara itu, mereka juga terlibat dalam persiapan acara lain seperti persembahan seni dan kraf tradisional. Aiman, yang mahir dalam seni lukisan, mengambil tanggungjawab untuk mengajar kanak-kanak di kampung melukis mural yang menggambarkan semangat kemerdekaan dan keharmonian di Brunei Darussalam.

Pada malam sebelum Hari Kebangsaan, Aiman dan Haziq mengadakan pertemuan

dengan pasukan merentas desa mereka. Aiman berkata, "Kawan-kawan, esok adalah hari yang penting bagi kita dan negara kita. Marilah kita berlumba dengan semangat kebersamaan dan kekentalan semangat patriotisme. Ingatlah, kita mewakili semangat bangsa kita sendiri."

Haziq menambah, "Biarlah usaha kita menjadi inspirasi kepada yang lain. Semoga kita dapat menyumbang sesuatu yang bermakna dalam memperingati Hari Kebangsaan ini."

Esok paginya, semangat kebangsaan berkobar di seluruh kampung. Hari Kebangsaan berlangsung dalam kegembiraan dan semarak warna. Aiman dan Haziq bersama warga kampung yang lainnya berkumpul di lapangan utama, di mana pelbagai acara diatur untuk menyambut Hari Kebangsaan. Ada yang memakai pakaian tradisional yang menampilkan motif-motif budaya Brunei. Dengan semangat patriotisme, bendera Brunei dikibarkan dengan gagahnya. Pasukan merentas desa Aiman dan Haziq menyertai pertandingan dengan semangat yang tinggi. Meskipun bersaing dengan pasukan-pasukan lain yang kuat, pasukan mereka menunjukkan daya saing yang luar biasa.

Sementara itu, mural yang dilukis oleh kanak-kanak kampung di bawah bimbingan Aiman menjadi tumpuan utama di dalam acara seni dan kraf. Mural itu memaparkan warna-warna cerah dan gambaran keindahan alam Brunei, mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan warisan negara.

Warga kampung berkumpul di rumah ketua kampung untuk menikmati juadah tengah hari. Terdapat pelbagai hidangan tradisional Brunei seperti ambuyat, rendang daging, dan kuih-muih tradisional yang disaji sempena Hari Kebangsaan. Aiman dan Haziq bersama-sama menikmati hidangan sambil berbual-bual dengan warga kampung.

Pada waktu petang, acara persembahan seni dimulakan. Aiman dan Haziq bersama pasukan merentas desa mereka dijemput untuk memberikan persembahan tarian

tradisional. Dengan pakaian tradisional yang berwarna-warni, mereka menghidupkan semangat kebudayaan Brunei melalui gerakan-gerakan yang penuh makna. Mereka menari dengan penuh kegembiraan dan semangat patriotisme.

Aiman dan Haziq turut berlakon dalam drama patriotik yang mengisahkan kisah pahlawan-pahlawan Brunei dahulu kala. Mereka berdua dengan penuh semangat membawa watak yang diberikan. Pertunjukan itu menyentuh hati penonton, mengingatkan mereka akan perjuangan para pahlawan negara.

Selepas persembahan, Aiman berkata kepada Haziq, "Kita telah berjaya menyampaikan semangat kebangsaan melalui tarian dan lakonan kita. Semoga apa yang kita lakukan dapat memberi inspirasi kepada orang ramai untuk lebih menghargai keindahan budaya kita."

Haziq tersenyum sambil mengangguk, "Ya, Aiman. Ini adalah satu pengalaman yang tidak akan dilupakan. Kita telah menyumbang kepada kegembiraan dan semangat perpaduan di kampung kita."

Malam berlanjutan dengan pertunjukan muzik dan tarian tradisional. Kumpulan-kumpulan seni dari kampung sekitar menyumbangkan persembahan yang memukau. Pada saat puncak acara, langit dihiasi dengan pancaran cahaya bunga api yang bergemerlapan. Aiman dan Haziq, bersama warga kampung yang lain, mengagumi keindahan bunga api yang memancarkan warna-warni cerah di langit malam. Mereka merasa bangga menjadi sebahagian daripada perayaan yang meriah ini. Aiman dan Haziq duduk bersama-sama di bawah langit yang dipenuhi dengan warna-warni ledakan bunga api. Aiman berkata, "Haziq, betapa indahnyanya negara kita. Kita sungguh bertuah dapat memperingati Hari Kebangsaan pada tahun ini dengan kegembiraan dan keamanan, melihat bunga api ini membuat saya rasa lebih bersyukur dan cinta pada tanah air kita."

Haziq menjawab, "Benar sekali, Aiman. Ini

adalah pengalaman yang penuh makna. Kita tidak hanya merayakan kemerdekaan, tetapi juga mengukuhkan persaudaraan di antara kita. Semoga negara kita terus maju dan keharmonian kita kekal untuk generasi akan datang."

Acara berakhir dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan laungan 'Allahuakbar'. Warga kampung menyanyikan lagu dan melaungkan 'Allahu Akhbar' dengan penuh semangat dan kekentalan semangat kebangsaan. Laungan 'Allahu Akhbar' yang bergema di kampung tersebut menandakan tanda syukur mereka kerana dapat menyambut Hari Kebangsaan yang penuh bersejarah itu. Aiman dan Haziq, bersama dengan warga kampung yang lain juga merasa bangga menjadi sebahagian daripada negara yang indah ini.

Sejurus selepas acara, Aiman dan Haziq duduk di teras rumah Aiman, menikmati angin malam yang segar. Aiman berkata, "Haziq, kita telah membuat sesuatu yang bermakna untuk kampung kita dan negara kita. Semoga semangat kebangsaan ini terus berkobar dalam hati kita dan generasi akan datang."

Haziq mengangguk setuju, "Ya, Aiman. Kita adalah anak-anak harapan bangsa dan negara. Ia adalah tanggungjawab kita untuk menyokong dan membangun negara ini. Mari kita terus berusaha untuk kemajuan dan keharmonian Brunei."

Mereka mengakhiri malam itu dengan perasaan syukur dan kebanggaan yang mendalam. Hari Kebangsaan telah membawa kegembiraan, semangat persatuan, dan kesyukuran kepada warga kampung. Aiman dan Haziq, sebagai sahabat yang penuh semangat kebangsaan, merasa bahawa mereka telah memberikan sumbangan yang bererti kepada perayaan yang bermakna ini.

Mereka duduk bersama sambil merenung tentang perjalanan hidup mereka, persahabatan yang kukuh, dan semangat kemerdekaan yang terus berkobar dalam hati mereka.



Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

Bersatu Mencapai Cita Negara

TARIKH 23 Februari 2024 genaplah Negara Brunei Darussalam (NBD) merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, yang mana perhimpunan agung diadakan pada hari ini bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Sejak meraih kemerdekaan pada tahun 1984, negara terus berkembang maju selaras dengan keperluan semasa. Alangkah bertuahnyanya menjadi anak Brunei, sejak meraih kemerdekaan hinggalah sekarang, negara ini menikmati kehidupan yang aman dan damai di bawah kepimpinan payung negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, selaku rakyat dan penduduk di negara ini kita hendaklah 'Bersatu Mencapai Cita Negara' sepertimana tema sambutan pada tahun ini.

Tema

Tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' mengingatkan betapa pentingnya kerjasama dengan pendekatan seluruh negara (Whole of Nation Approach) untuk kemajuan negara dan keselamatan dunia dan akhirat. Kemerdekaan dan kedaulatan negara Melayu Islam Beraja, insyaaAllah, akan sentiasa terpelihara. Orang Brunei yang bersatu padu

menghadapi pelbagai cabaran sepanjang sejarah, mencerminkan semangat patriotisme, ketahanan dan tekad untuk menjaga kedaulatan, keamanan, kesejahteraan dan keutuhan negara-bangsa. Tema juga memberikan pandangan menyeluruh tentang semangat kebangsaan, kemerdekaan dan aspirasi pembangunan negara. Pencapaian dan perkembangan selama bertahun-tahun sebelumnya menciptakan landasan untuk harapan dan komitmen masa hadapan.

Kata kunci utama

Bersatu : Merujuk pada konsep bersatu padu sebagai satu negara-bangsa, menunjukkan pentingnya kesepaduan di antara pemimpin, masyarakat dan rakyat. Kebersamaan sebagai kekuatan utama dalam menghadapi cabaran dan mencapai matlamat.

Mencapai : Menyoroti tindakan, usaha aktif dan berterusan untuk mencapai tujuan dan cita-cita negara. Ini menggambarkan komitmen untuk bergerak maju dan mengatasi rintangan dalam perjalanan pembangunan, menggunakan ilmu dan kepakaran serta sentiasa berusaha memperbaiki kaedah dan cara bertindak maju, memanfaatkan kemajuan ilmu dan teknologi.

Cita : Menggaris bawahi pentingnya cita-cita dan aspirasi negara selaras Wawasan Brunei 2035 dan Negara Zikir mencakupi nilai-nilai seperti keadilan, kemakmuran, kesejahteraan, pembangunan berdaya tahan, serta kekal

dalam berkat dan lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Berwawasan luas, jauh ke hadapan berlatarbelakangkan nilai dan akal budi orang Brunei.

Negara : Menyatakan fokus kepada pembangunan negara yang menyeluruh. Mempertahankan pemerintahan beraja sebagai asas bernegara. Menghayati dan menyertai proses pembangunan di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara mencakupi ruang lingkup politik, ekonomi dan sosiobudaya berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Logo

Logo ini berasaskan keris dan dasar, lambang kemegahan, ketuanan dan kedaulatan bangsa. Senjata ikonik dan penuh makna ini juga menjadi lambang kebesaran pemerintahan beraja. Logo ini menggambarkan kesetiaan dan kesungguhan orang Brunei 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Dasar 'Sapu-Sapu Aing' adalah perhiasan kepala bagi lelaki dan adalah lambang kegagahan serta kepimpinan. Warna kuning melambangkan kesetiaan dan kesediaan mempertahankan sistem pemerintahan beraja.

Panji-panji NBD adalah lambang kesatuan orang Brunei dalam mencapai matlamat pembangunan negara-bangsa.

Dasar dan panji-panji terletak di atas melambangkan kepentingan kepimpinan,

kesetiaan dan kesatuan serta sistem pemerintahan beraja yang disanjung tinggi.

Sarung Keris berbentuk angka 40 Jawi dan Rumi adalah pernyataan bahawa negara sudah merdeka selama 40 tahun. Warna kuning melambangkan institusi beraja yang disanjung tinggi dan dipertahankan. Reka bentuk 40 Rumi berinspirasi dari Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, sebagai manifestasi kemajuan NBD merdeka 40 tahun di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Utap melambangkan perlindungan dan keselamatan. NBD akan tetap menyediakan perlindungan dan keselamatan kepada rakyatnya, sesuai slogan 'Hidup Sentosa Negara dan Sultan' dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Pamur Keris berbentuk helix berlingkang tiga, menandakan cita negara iaitu matlamat Wawasan Brunei 2035, yang memerlukan kita bersatu padu untuk dicapai. Warna hijau melambangkan agama Islam sebagai teras perundangan dan kehidupan.

Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 ini marilah kita semua rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini saling berganding bahu menjayakan tema sambutan kali ini - 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

HURAIAN LOGO SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024



Dasar 'Sapu-Sapu Aing' adalah perhiasan kepala bagi lelaki dan adalah lambang kegagahan serta kepimpinan. Warna kuning melambangkan kesetiaan dan kesediaan mempertahankan sistem pemerintahan beraja.



Panji-panji Negara Brunei Darussalam adalah lambang kesatuan orang Brunei dalam mencapai matlamat pembangunan negara-bangsa. Dasar dan panji-panji terletak di atas melambangkan kepentingan kepimpinan, kesetiaan dan kesatuan serta sistem pemerintahan beraja yang disanjung tinggi.



Sarung Keris berbentuk angka 40 Jawi dan Rumi adalah pernyataan bahawa negara sudah merdeka selama 40 tahun. Warna kuning melambangkan institusi beraja yang disanjung tinggi dan dipertahankan. Reka bentuk 40 Rumi berinspirasi dari Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, sebagai manifestasi kemajuan Negara Brunei Darussalam merdeka 40 tahun di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Utap melambangkan perlindungan dan keselamatan. Negara Brunei Darussalam akan tetap menyediakan perlindungan dan keselamatan kepada rakyatnya, sesuai slogan 'Hidup Sentosa Negara dan Sultan' dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.



Pamur Keris berbentuk helix berlingkang tiga, menandakan cita negara iaitu matlamat Wawasan Brunei 2035, yang memerlukan kita bersatu padu untuk dicapai. Warna hijau melambangkan agama Islam sebagai teras perundangan dan kehidupan.



JEPUN : PANEL ETIKA BERKUMPUL BUAT KALI PERTAMA SEJAK 2009 TANGANI SKANDAL DANA

skandal rasuah dalam kalangan Ahli Parlimen daripada Parti Liberal Demokratik (LDP) yang memerintah, lapor Sputnik memetik media Jepun.

Mesyuarat panel itu akan berlangsung pada 28 dan 29 Februari bagi mengkaji semula kes bekas Ketua Setiausaha

Kabinet, Hirokazu Matsuno, bekas Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Diet LDP, Tsuyoshi Takagi, bekas Menteri Perdagangan dan Industri, Yasutoshi Nishimura, bekas Menteri Pendidikan, Hakubun Shimomura dan bekas Menteri Hal Ehwal Dalaman dan Komunikasi, Ryota Takeda, lapor penyiar NHK.

Mesyuarat jawatankuasa yang dilaporkan akan berlangsung secara tertutup itu mencetuskan rasa tidak puas hati pembangkang Jepun, menurut laporan berkenaan.

Skandal berhubung dana LDP mula tercetus pada Disember 2023. Lima puak dalam parti pemerintah didakwa menerima wang daripada

pelbagai acara pengumpulan dana yang gagal dilaporkan.

Untuk melindungi daripada rasuah dan sogokan, undang-undang Jepun menetapkan supaya nama penderma dan jumlah yang dikumpulkan, jika melebihi 200,000 yen (US\$1,350), perlu ditulis dalam buku laporan. - ©BERNAMA

TOKYO, 22 Feb. - Jawatankuasa etika Parlimen Jepun akan bersidang minggu depan, kali pertama sejak 2009 bagi mengkaji

China : 2 maut, 3 hilang kapal kontena rempuh jambatan

GUANGZHOU, 22 Feb. - Sekurang-kurangnya dua orang terbunuh manakala tiga lagi hilang selepas sebuah kapal kontena melanggar sebuah jambatan di Guangzhou, Wilayah Guangdong di selatan China pada pagi Khamis, menurut

penyelamat, lapor Xinhua.

Insiden kira-kira 5.30 pagi itu menyebabkan Jambatan Lixinsha di daerah Nansha retak.

Kemalangan itu melibatkan lima kenderaan termasuk sebuah motosikal.

Menurut siasatan awal, dua

daripada mangsa terjatuh ke dalam sungai manakala selebihnya jatuh ke atas kapal.

Seorang kru kapal cedera ringan dalam kemalangan itu.

Usaha menyelamat sedang dijalankan dan punca kemalangan sedang disiasat. - ©BERNAMA

Afrika Selatan bakal adakan Pilihan Raya Umum pada 29 Mei

JOHANNESBURG, 21 Feb. - Afrika Selatan dijangka mengadakan pilihan raya umum pada 29 Mei nanti yang bertepatan dengan sambutan 30 tahun kebebasan dan demokrasi negara itu, menurut pejabat presiden pada Selasa.

Dilaporkan bahawa Presiden Cyril Ramaphosa telah pun mengadakan pertemuan dengan menteri-menteri yang berkaitan dan Suruhanjaya Pilihan Raya Bebas untuk membincangkan mengenai perkara itu.

Afrika Selatan memperoleh kebebasan pada tahun 1994 selepas berakhirnya sistem

apartheid.

Pilihan raya yang pertama diadakan pada tahun 1994, menyaksikan Nelson Mandela menjadi presiden kulit hitam pertama yang dipilih secara demokrasi.

Pada pilihan raya kali ini, Ramaphosa, 71, dari parti Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) yang memerintah sejak 1994 dijangka berdepan saingan sengit daripada pembangkang.

Pesaing utama ANC, termasuk Perikatan Demokratik, parti politik kedua terbesar di Parlimen dan parti Economic Freedom Fighters

yang ketiga terbesar.

Menurut pakar, ANC turut akan berdepan saingan daripada parti Umkhonto We Sizwe yang baru ditubuhkan.

Parti itu mendapat sokongan bekas Presiden Jacob Zuma yang baru-baru ini mengumumkan tidak akan menyokong ANC.

Berdasarkan tinjauan pendapat oleh Yayasan Penyelidikan Sosial, Umkhonto We Sizwe mampu memperoleh sehingga 24 peratus undi di wilayah kelahiran Zuma iaitu di KwaZulu-Natal, wilayah kedua terpadat di Afrika Selatan. - ©BERNAMA

Korea Selatan : Pesakit kecewa perkhidmatan kesihatan terjejas ekoran doktor pelatih enggan bekerja

SEOUL, 21 Feb. - Pesakit di Korea Selatan menyatakan kekecewaan dan mengadu mengenai jadual rawatan yang tertangguh atau ditangguhkan pada Rabu apabila doktor pelatih hospital umum di Seoul dan tempat lain tidak bertugas buat hari kedua kerana membantah rancangan kerajaan untuk menaikkan kuota pendaftaran di sekolah perubatan.

Lebih 70 peratus atau 8,816, doktor pelatih hospital umum meletak jawatan beramai-ramai setakat ini sebagai membantah rancangan pembaharuan untuk menambah kuota kemasukan ke sekolah perubatan sebanyak 2,000

tempat tahun depan daripada 3,058 tempat semasa, lapor Agensi Berita Yonhap. Daripada jumlah itu, 7,813 mengingkari arahan kerajaan supaya kembali bekerja pada Rabu.

Ketiadaan doktor muda itu mencetuskan kebimbangan mengenai perkhidmatan penjagaan kesihatan, apabila operasi bilik pembedahan dikurangkan kepada serendah 50 peratus di lima hospital terbesar di Seoul setakat ini, lapor Yonhap memetik sumber perubatan.

Pada Rabu, Kim seorang pesakit kanser saluran empedu berusia 38 tahun terpaksa berpindah ke pusat perubatan lain. "Saya memerlukan

rawatan lanjut kerana demam panas, tetapi saya disyorkan untuk berpindah ke hospital lain semalam," menurut Kim.

Jeon Kyu-sik, 50-an, seorang pesakit epilepsi berkata kira-kira separuh daripada bilik hospital kosong dan keadaan itu hampir sama dengan pengabaian dan pesakit akan mati jika tidak dibedah segera.

Seorang jururawat di sebuah hospital kanak-kanak memaklumkan kepada pesakit dan ibu bapa bahawa pada masa ini, semua perkhidmatan di hospital beliau bertugas terpaksa ditangguhkan. - ©BERNAMA

Amerika Syarikat : Repulikan jangka penutupan kerajaan persekutuan

MOSCOW, 21 Feb. - Ahli Parlimen dari Parti Republikan Amerika Syarikat (AS) meramalkan penutupan kerajaan persekutuan sekiranya tiada keputusan mengenai pembiayaan selanjutnya dan Speaker Dewan Perwakilan Mike Johnson perlu mencari penyelesaian, lapor Sputnik.

"Orang ramai meramalkan penutupan walaupun hanya untuk beberapa hari," kata seorang Ahli Parlimen Republikan yang enggan namanya disiarkan, lapor portal

berita Axios pada Rabu. Kerajaan AS akan berdepan penutupan separa jika tidak meluluskan bajet atau langkah perbelanjaan sementara menjelang 1 Mac.

Sementara itu, penutupan secara menyeluruh akan menjadi kenyataan jika tiada bajet atau langkah perbelanjaan sementara dicapai menjelang 8 Mac. Pada minggu lepas, Johnson dipetik sebagai berkata bahawa Dewan Perwakilan akan mematuhi tarikh akhir.

Bagaimanapun, Speaker Dewan akan menghadapi dua pilihan sukar selepas itu iaitu terus menentang Demokrat mengenai bajet atau membuat perjanjian dengan mereka yang boleh menjejaskan kepentingan Republikan.

Keputusan mesti dibuat selewat-lewatnya pada 30 April atau pematangan perbelanjaan keseluruhan sebanyak satu peratus akan dikuat kuasa, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Satelit angkasa kembali ke atmosfera bumi selepas hampir 30 tahun

LONDON, 22 Feb. - Sebuah satelit yang telah berada di orbit selama hampir 30 tahun memasuki semula atmosfera bumi pada Rabu, kata Agensi Angkasa Lepas Eropah (ESA), lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Satelit European Remote Sensing ERS-2 jatuh di Lautan Pasifik Utara di suatu tempat antara Alaska dan Hawaii kira-kira 5.17 petang GMT.

ERS-2 telah dilancarkan pada 1995 menyusuli satelit ERS-1 yang telah dilancarkan empat tahun sebelumnya.

Kedua-dua satelit ERS berkenaan merupakan satelit pemerhati bumi paling canggih yang pernah dibangunkan pada ketika itu.

Pada 2011, ESA menghentikan operasi ERS-2 dan memulakan proses penyahorbitan.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, ERS-2 mengumpul data mengenai ais di kutub yang semakin berkurangan, perubahan permukaan tanah, peningkatan paras laut, pemanasan lautan dan kimia atmosfera.

ERS-2 turut digunakan untuk memantau bencana alam seperti banjir dan gempa bumi di bahagian terpencil dunia. - ©BERNAMA

Kerosakan sayap pesawat, Boeing 757 buat pendaratan cemas

SAN FRANCISCO, 21 Feb. - United Airlines pada Selasa mengesahkan bahawa penerbangan dari San Francisco ke Boston terpaksa melakukan pendaratan cemas pada Isnin akibat kerosakan pada sayap pesawat, lapor Xinhua.

Menurut syarikat itu masalah teknikal dikesan pada sayap pesawat Boeing 757-200 namun butiran lanjut mengenai puncanya tidak dinyatakan.

Pesawat itu dilencongkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Denver selepas dan selamat mendarat pada pukul 5.21 petang.

Para penumpang dipindahkan ke pesawat lain dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Boston Logan awal pagi Selasa, menurut United Airlines.

Tiada kecederaan dilaporkan dan pihak Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) akan menjalankan siasatan berhubung perkara itu. - ©BERNAMA

Jepun akan mansuh bantuan awam untuk rawatan COVID-19

TOKYO, 21 Feb. - Kerajaan Jepun memutuskan untuk menamatkan subsidi untuk ubat-ubatan COVID-19 dan kemasukan ke hospital bulan depan, menurut media tempatan, lapor Xinhua.

Langkah itu menyebabkan pesakit perlu membayar sendiri rawatan COVID-19 pada kadar yang bergantung kepada pendapatan mereka, lapor Jiji Press pada Selasa, memetik pegawai kerajaan. Kerajaan menampung sepenuhnya perbelanjaan untuk ubat-ubatan COVID-19 dengan dana awam sejak tahun 2021.

Subsidi itu kemudiannya dikurangkan pada Oktober lepas dengan pesakit perlu membayar antara 3,000 yen (kira-kira US\$20) dan 9,000 yen bergantung kepada umur dan pendapatan mereka.

Di bawah pelan baharu itu, rawatan oral molnupiravir, untuk mencegah gejala serius COVID-19 akan dikenakan bayaran 90,000 yen bagi setiap preskripsi atau kira-kira 28,000 yen bagi mereka yang dilindungi oleh insurans awam.

Subsidi untuk kos hospitalisasi, yang kini ditetapkan pada 10,000 yen sebulan juga akan berakhir bulan depan. Kerajaan juga akan membatalkan pembayaran kepada hospital besar yang menyediakan katil untuk pesakit COVID-19 dengan caj dikenakan dari 29,000 yen hingga 174,000 yen bergantung kepada keadaan jangkitan. - ©BERNAMA

ISRAEL MESTI HENTIKAN PENCABULAN UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA DAN HAK RAKYAT PALESTIN



THE HAGUE (Belanda), 23 Feb. - Israel mesti terlebih dahulu berhenti daripada terus mencabuli undang-undang antarabangsa serta setiap elemen teras dalam hak rakyat Palestin untuk menubuhkan tanahair sendiri, kata Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Dalam kenyataan lisan Malaysia pada sesi pendengaran awam berhubung isu Palestin di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di Belanda pada Khamis (waktu tempatan), Mohamad berkata Israel mesti menghentikan semua "dasar dan amalan" berkaitan dan serta-merta berundur dari Wilayah Palestin yang Diduduki (OPT).

Kedua, beliau berkata Israel wajib berjanji dan memberikan jaminan untuk tidak mengulangi perbuatan itu.

"Dan ketiga, Israel dipertanggungjawabkan untuk menawarkan pemulihan penuh supaya keadaan kembali kepada asal. Ini bermakna ia mesti benar-benar melaksana dan melakukan pindaan perundangan, termasuk menghapuskan atau menarik balik semua langkah perundangan yang bertentangan dan peraturan yang diluluskan sebelum ini bagi kawasan OPT," katanya.

Mohamad berkata Israel perlu menawarkan pampasan bagi segala bentuk kemusnahan material dan moral yang berpunca

daripada pencabulan hak rakyat Palestin, meskipun pada hakikatnya pampasan itu tidak dapat benar-benar memulihkan sepenuhnya keadaan.

Lebih 50 negara membentangkan hujah mereka mengenai akibat perundangan berhubung pendudukan Israel di Palestin pada sesi pendengaran awam itu yang bermula Isnin.

Mohamad memulakan pembentangnya dengan membicारा secara ringkas bidang kuasa dan budi bicara Mahkamah bagi memenuhi permintaan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), disusuli pendirian Malaysia berkaitan kesahihan "dasar dan tindakan" Israel di OPT.

Di akhir pembentangan itu, beliau menggariskan mengenai kesan perundangan yang timbul ke atas Israel, negara-negara lain dan PBB, disebabkan pencabulan Israel secara terang-terangan terhadap hak rakyat Palestin.

Hujahan Malaysia menegaskan bahawa "dasar dan tindakan" Israel hanyalah untuk menguasai Wilayah Diduduki (OPT), kaedah untuk menguatkuasakan pendudukannya.

Hujahan itu juga menyenaraikan empat elemen substantif utama hak untuk menubuhkan negara sendiri bagi rakyat Palestin - hak terhadap integriti wilayah, hak

terhadap kesatuan wilayah dan perlindungan terhadap integritinya, hak terhadap kedaulatan kekal ke atas kekayaan dan sumber semulajadi, dan kebebasan untuk menikmati pembangunan ekonomi, sosial, dan budaya.

Beliau menegaskan, kesan dan akibat perundangan ke atas Israel yang mencabuli Palestin pada prinsipnya adalah setara dengan apa juga akibat yang terpaksa dihadapi oleh mana-mana negara lain yang melanggar undang-undang antarabangsa sekecil mana pun.

Semua negara mesti bekerjasama untuk menamatkan menerusi kaedah perundangan pencabulan hak rakyat Palestin dalam menubuhkan negara sendiri dan diikuti menamatkan pendudukan wilayah itu oleh Israel, katanya. Seterusnya, semua negara seharusnya tidak mengiktiraf pendudukan Israel ke atas wilayah Palestin, katanya.

Akhirnya beliau berkata semua negara tidak sepatutnya menghulurkan sebarang bentuk bantuan dan pertolongan kepada Israel dalam usahanya meniadakan hak Palestin.

Malaysia juga menegaskan mengenai kewajipan semua negara dunia untuk terus menyokong Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) bagi

Pelarian Palestin dan sebaliknya menghentikan sebarang bantuan kewangan atau ketenteraan kepada Israel.

"Bagi kesan perundangan yang timbul dalam konteks PBB, ia tidak lain daripada tanggungjawabnya untuk melaksanakan kewajipan hakikinya terhadap isu Palestin, termasuk dalam memastikan UNRWA dapat berfungsi dengan berkesan," katanya.

Mohamad berkata PBB mesti terus menjadi forum kerjasama bagi membolehkan negara-negara melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menamatkan pencabulan hak dan pendudukan

wilayah Palestin.

Menteri Luar itu mengetuai delegasi Malaysia di ICJ berhubung permintaan untuk Pendapat Nasihat berkaitan kesan perundangan yang timbul daripada dasar dan amalan Israel di wilayah Palestin yang diduduki termasuk Baitulmaqdis Timur.

Pendapat Nasihat merupakan satu proses penting bagi memperolehi nasihat perundangan daripada ICJ, badan kehakiman PBB, selaras dengan Artikel 96 Piagam PBB dan Artikel 65 Statut ICJ. - ©BERNAMA

30 pempamer Maldives sertai MATTA Fair di Kuala Lumpur

NEW DELHI, 23 Feb. - Kira-kira 30 pempamer dari Maldives mengambil bahagian dalam pameran Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur, menurut seorang pegawai kanan agensi pelancongan kebangsaan Maldives. arwakan promosi baharu destinasi harga berpatutan yang menonjolkan kekayaan budaya, masakan dan warisan.

"Kami dikenali sebagai destinasi percutian mewah dan ramai orang tidak mengenali Maldives. Kami mempunyai destinasi untuk semua daripada hotel bajet ke rumah tetamu ke inap desa," menurut Ketua Pegawai Operasi Maldives Marketing and Public Relations Corporation (MMPRC) kepada Bernama pada Khamis.

Beliau berkata pada pameran MATTA dari 22 hingga 24 Mac di Kuala Lumpur, pempamer Maldives menawarkan pelbagai tarikan negara itu termasuk pelancongan sukan dan budaya.

Tahun lepas, Maldives menerima 13,551 pelancong Malaysia.

"Malaysia ialah pasaran pertumbuhan yang berpotensi untuk kami," kata Sabeeha. - ©BERNAMA

Jerman sertai AS, Britain, Perancis sokong Mark Rutte untuk jawatan ketua NATO

LONDON, 23 Feb. - Jerman pada Khamis menyertai Amerika Syarikat (AS), Britain dan Perancis dalam menyokong pencalonan Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte untuk jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO).

Menerusi kenyataan di X, jurucakap kerajaan Jerman Steffen Hebestreit berkata Canselor Olaf Scholz menyokong pencalonan Mark Rutte sebagai Setiausaha Agung NATO yang baharu, lapor Agensi Anadolu.

"Beliau adalah calon terbaik dengan pengalaman yang luas, kepakaran yang hebat dalam dasar keselamatan dan kemahiran diplomatik yang kuat," kata Hebestreit, memetik Scholz. Rutte, 57, dilaporkan turut mendapat sokongan Washington, London dan Paris.

Beliau memerulokan sokongan daripada semua 31 sekutu NATO sebelum dilantik untuk menggantikan Jens Stoltenberg, yang dijangka meletak jawatan pada Oktober selepas berkhidmat selama 10 tahun. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 4 maut, 20 hilang dalam kebakaran bangunan di Sepanyol

MOSCOW, 23 Feb. - Sekurang-kurangnya empat orang terbunuh, 14 cedera dan 20 lagi hilang dalam kebakaran sebuah bangunan bertingkat di Valencia, timur Sepanyol, Sputnik memetik laporan media pada Khamis.

Akhbar 20minutos yang memetik Timbalan Pengarah Kecemasan Komuniti Valencia, Jorge Juarez melaporkan, sekurang-kurangnya 13 orang, termasuk enam anggota bomba, telah cedera dalam kebakaran yang berlaku di tingkat empat bangunan 14 tingkat di Valencia. Buat masa ini seramai 20 anggota bomba cuba memadamkan kebakaran itu.

Akhbar Levante-EMV memetik Juarez sebagai berkata empat orang telah terbunuh dan 20 lagi hilang akibat kebakaran itu. Akses ke bangunan itu masih mustahil dan penyelamat tidak menolak kemungkinan bangunan berkenaan akan runtuh. Akhbar itu menyifatkan kebakaran itu sebagai yang terbesar dalam sejarah Valencia.

Bencana itu turut disiarkan secara langsung di beberapa rangkaian televisyen Sepanyol, dengan rakaman menunjukkan seorang penduduk melompat dari balkoni di tingkat pertama ke atas kusyen berisi udara yang diletakkan oleh pasukan bomba, lapor Xinhua.

Sementara itu, Perdana Menteri Sepanyol menerusi hantaran di X berkata beliau terkejut dengan kebakaran bangunan yang dahsyat di Valencia dan menyatakan solidaritinya kepada penduduk terjejas. - ©BERNAMA

Saintis dedah gambaran penuh reptilia seperti naga berusia 240 juta tahun

LONDON, 23 Feb. - Fosil reptilia marin Dinocephalosaurus orientalis yang dikatakan berusia 240 juta tahun buat pertama kali dapat digambarkan sepenuhnya hasil penyelidikan saintis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut penyelidik, reptilia itu memiliki leher yang panjang serta badannya bersisik dan ikan yang masih ada di dalam perutnya menunjukkan reptilia itu sesuai dengan kehidupan di laut.

Fosil itu ditemukan di wilayah Guizhou, selatan China dan mula dikenal pasti pada tahun 2003 dan berdasarkan penemuan spesimen

tambahan yang lebih lengkap sejak itu, membolehkan pasukan saintis membuat gambaran penuh haiwan itu.

Nick Fraser dari Muzium Negara Scotland dan antara yang terlibat dalam kajian itu berkata penemuan tersebut membolehkan haiwan berleher panjang luar biasa itu 'digambarkan'.

"Kami pasti ia akan membangkitkan imaginasi berdasarkan penampilan yang menarik, mengingatkan mitos naga Cina yang panjang seperti ular," katanya.

Leher Dinocephalosaurus orientalis telah dibandingkan

dengan leher Tanystropheus hydroides, satu lagi reptilia marin aneh dari zaman Trias Pertengahan di Eropah dan China.

Kedua-dua reptilia itu mempunyai saiz dan ciri tengkorak yang sama. Namun Dinocephalosaurus mempunyai lebih banyak vertebra di leher dan di bahagian badan, merupai ular.

Penyelidik dari Scotland, Jerman, Amerika Syarikat dan China mengkaji Dinocephalosaurus orientalis selama 10 tahun di Institute of Vertebrate Palaeontology and Palaeoanthropology, di Beijing. - ©BERNAMA

Odysseus kapal angkasa persendirian pertama mendarat di bulan

LONDON, 23 Feb. - Sebuah pendarat bulan milik syarikat penerbangan angkasa Amerika Syarikat (AS) menjadi kapal angkasa persendirian pertama mendarat di bulan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pendarat Nova-C Odysseus milik syarikat Intuitive Machines mendarat di kawasan kutub selatan bulan pada 11.23 malam (2323 GMT), Khamis. Detik itu juga menandakan kali pertama pesawat angkasa AS mendarat di bulan sejak misi terakhir program Apollo - Apollo 17 - lebih 50 tahun lalu.

Berita itu disahkan oleh ketua eksekutif Intuitive Machines Steve Altemus, yang berkata:

"Saya tahu ini adalah situasi yang menegangkan tetapi kami berada di permukaan dan kami sedang menghantar. "Selamat datang ke Bulan."

Sementara itu, di Washington, pegawai NASA berkata Odysseus menghantar semula isyarat lemah ke Bumi selepas beberapa minit, lapor Sputnik.

"Buat kali pertama dalam lebih setengah abad, Amerika Syarikat telah kembali ke Bulan," kata Pentadbir NASA Bill Nelson. "Odysseus telah menemukan rumah baharunya," kata pengarah misi Tim Crane.

Pengawal penerbangan Intuitive Machines berkata isyarat daripada Odysseus hilang selama kira-kira

tujuh minit selepas pendaratan dan walaupun isyarat itu kemudiannya diperoleh semula, ia kekal sangat lemah. Selain itu, status kapal angkasa dan misi robotik yang dibawanya mungkin tidak dapat disahkan selama beberapa jam.

Intuitive Machines, syarikat yang berpangkalan di Texas yang membangunkan pendarat di bawah kontrak dengan NASA, pada Khamis berkata Odysseus telah mula menghantar data selepas menyelesaikan masalah komunikasi. Menerusi hantaran di X, Intuitive Machines berkata kakitangan syarikat itu kini berusaha untuk menghantar imej pertama dari permukaan bulan. - ©BERNAMA



KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN PENTING BANTU FABD BERGERAK KE HADAPAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) terus mempergiatkan langkah dan memperkemaskan usaha untuk merealisasikan hasrat bagi merubah landskap bola sepak di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Usaha itu meliputi mencari sokongan dan kerjasama padu di semua sektor yang berkepentingan dengan persatuan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah menerima kunjungan hormat daripada Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff bersama rombongan di Kementerian berkenaan.

Presiden FABD berkata, jalinan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan sangat penting dalam membantu FABD bergerak ke hadapan khususnya sokongan tenaga manusia dan kebenaran penggunaan prasarana seperti padang dan dewan bagi latihan dan perlawanan bola sepak dan futsal.

"Jika ia mendapat kebenaran, FABD berhasrat akan bekerjasama bagi memulihara padang-padang yang digunakan oleh kelab-kelab bola sepak dengan menggunakan peruntukan FABD," jelasnya.

Sementara itu, FABD memohon

YANG Berhormat Menteri Pendidikan menerima kunjungan hormat daripada Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai.

kerjasama kepada pihak kementerian untuk mendapatkan data pelajar-pelajar lelaki yang berusia antara 9 hingga 12 tahun yang kurang berkemampuan dari segi pendapatan keluarga untuk dibantu pembiayaannya oleh FABD bagi menyertai program bola sepak Grassroot.

FABD juga memohon kebenaran kelonggaran cuti bersekolah bagi pelajar-pelajar berusia 20 tahun ke bawah yang terpilih mewakili skuad negara.

Majlis Perjumpaan itu juga dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Pengarah Pendidikan Kokurikulum (Pendidikan Teras) dan Ketua Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Sukardi



Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

bin Kaderi.

Sementara rombongan FABD telah disertai oleh Timbalan Presiden FABD, Haji Mahrub bin Haji Murni; Pemangku

Setiausaha Agung FABD, Awang Ahmad Za'eem Omarali dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Haji Jufry bin Pengiran Haji Jaludin.

FABD lancar Edisi Pertama FABD Moving Forward

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Dalam usaha untuk menjadikan bola sepak sebagai sumber kebanggaan negara dan simbol kejayaan, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) terus melangkah ke hadapan dengan melancarkan Edisi Pertama Surat Khabar Rasmi FABD Moving Forward.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Edisi Pertama Surat Khabar Rasmi tersebut dirasmikan oleh Presiden FABD, Awang Haji

Feisal bin Haji Mohd. Eusoff berlangsung di Lecture Theatre, FABD, di sini.

Awang Haji Feisal dalam ucapannya menjelaskan bahawa surat khabar bulanan FABD itu akan diedarkan dalam format digital dengan dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bagi peminat tempatan serta peminat bola sepak di seluruh dunia.

Beliau menambah, versi bahasa Inggeris FABD Moving Forward, juga akan

dikongsikan kepada FIFA, AFC, AFF serta 211 Ahli Persatuan Bola Sepak Kebangsaan dalam keluarga besar FIFA.

Sebagai saluran komunikasi utama jelasnya lagi, surat khabar tersebut sejajar dengan Pelan Strategik FABD dan beliau berharap agar komuniti bola sepak akan menerimanya dengan penuh semangat dan memberikan sokongan maklum balas positif.

"Tajuk surat khabar ini sesuai menggambarkan kedinamikan, mengajak kita semua untuk maju bersama-sama, berganding bahu, ke arah matlamat kita,"

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

ujarnya.

Melalui FABD Moving Forward tambahnya lagi, mereka juga akan menyediakan maklumat bola sepak tempatan kepada rakan sejawatan FIFA, mengemas kini perkembangan terkini dan perkara baharu, serta berita mengenai bola sepak di Negara Brunei Darussalam. Juga hadir, Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; pegawai dan kakitangan kerajaan serta Ahli-ahli FABD.



MAJLIS Pelancaran Edisi Pertama Surat Khabar Rasmi FABD Moving Forward dirasmikan oleh Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff di Lecture Theatre, FABD.

Tahukah Awda

SAMBUTAN Hari Kebangsaan yang pertama disambut dengan meriah di satu upacara yang gilang-gemilang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Seramai 15,000 orang peserta telah mempersembahkan beberapa gerak laku yang mempesonakan penonton. Turut berangkat ke upacara tersebut ialah raja-raja, ketua-ketua negara dan pemimpin-pemimpin negara asing dari 70 buah negara di seluruh dunia.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi Februari 1984.